# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 19 | RABU 7HB MEI, 1980. | رابو 21 جمادي‌الاخير 1400 | PERCHUMA


## $9 JUTA BAGI PEMBENAAN S.M. SAINS DI-KB.

BANDAR SERI BEGAWAN—Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah menguntokkan wang sa-jumlah $9,000,000 untok pembenaan sa-buah Sekolah Menengah Sains di-Kuala Belait.

Sekolah yang akan menampong 800 penuntut aliran sains itu ia-lah salah sa-buah dari beberapa buah sekolah rendah dan menengah yang akan di-bena dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru.

Ini telah di-tegaskan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abd Razak bin Muhammad ketika berucahp di-Majlis Penyampaian Hadiah Pelajaran Terbaik yang telah di-adakan di-Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai di-sini pada hari Khamis lalu.

Awang Abdul Razak berkata, memandangkan pada masa ini mata pelajaran hisab dan sains merupakan pelajaran penting terutama sekali di-luar negeri di-mana sa-banyak 85 peratus kursus berkehendakkan sekurang2-nya 'O' level dalam mata pelajaran hisab.

Maka untok itu kata-nya, Jabatan Pelajaran telah pun perlahan2 mengalehkan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan sa-bagai Sekolah Sains bagi menampong kelemahan2 dan kekurangan2 mata pelajaran sains dan hisab di-sekolah di-negeri ini.

"Jika kita hendak mengutamakan akademik kita perlu mengalehkan murid2 kita mempelajari sains dan hisab kerana tanpa ada-nya dua mata pelajaran sa-umpama itu murid2 kita neschaya akan menghadapi masaalah pelajaran tinggi di-luar negeri di-masa2 yang akan datang", jelas Awang Abdul Razak.

Terdahulu dari itu Awg Abdul Razak menjelaskan bahawa penyampaian hadiah2 terbaik bagi penuntut2 sekolah rendah itu ada-lah merupakan penilaian ia-itu pada menambahkan mutu pelajaran di-sekolah2 rendah di-negeri ini.

"Saya ingin menarek perhatian guru2 besar dan guru2 ia-itu dengan ada-nya penilaian sa-chara ujian ini dan memileh murid2 yang terbaik, kita harap akan tidak terpesong daripada tujuan asal ia-itu mengutamakan pengajaran dan seterus-nya pembelajaran kanak2 supaya kita tidak lupa untok mendidek anak2 kita menurut susila bangsa dan masharakat dan seterus-nya membantu murid2 yang lemah yang memerlukan bantuan remedial", kata Awang Abdul Razak lagi.

Kata-nya murid2 yang lemah di-sekolah2 bukan kerana kelemahan otak tetapi ia-lah kerana kurangnya didekan atau asohan yang wajar maka untok itu kita hendak-lah sentiasa memberikan bantuan yang sama dengan tidak mengira sama ada sa-orang murid itu sudah pandai atau se-balek-nya.

Lihat muka 16



AWANG Abdul Razak menyampaikan hadiah terbaik kapada Dayang Siti Rozainah bte Haji Md Yunus, dari Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak.

## Manis-nya Iman

"APABILA sa-seorang menderita kepayahan hidup boleh-lah waktu keluar dari rumah-nya ia mengucHapkan : Bismillah ka-atas diri, harta dan ugama ku. Ya Allah! Redhakan-lah aku dengan ketetapan qadha' Mu. Berkati-lah aku dalam apa jua kadar yang Engkau tentukan kapada ku — sa-hingga tiada-lah aku suka menyegerakan apa yang Engkau lambatkan, dan melambatkan apa yang Engkau segerakan". — HADITH Nabi riwayat Ibnu Sunni daripada Ibnu 'Umar.

## Jangan terlalu khayal dgn. arus seni musik

GADONG.— Penolong Penguasa Pelajaran Menengah, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman mengingatkan kapada guru2 yang mengikuti kursus seni musik supaya "jangan terlalu "khayal" dengan arus hobi yang mereka minati ia-itu saperti seni musik sa-mata2.

Kerana kata-nya, sa-bagai sa-orang guru tugas dan tanggong-jawab di-sekolah2 yang utama ia-lah pada memberikan pendidekan dan mengasoh anak2 yang di-bangku sekolah demi untok menjadikan mereka sa-bagai anak bangsa yang akan berguna di-masa2 yang akan datang.

Meminati hobi saperti seni musik tambah beliau, amat-lah berguna terutama di-masa2 lapang di-samping itu ia-nya boleh menyatupadukan masharakat di-antara satu dengan lain serta boleh menghilangkan fikiran yang runsing tetapi kita sa-bagai sa-orang pendidek tanggong-jawab kita di-sekolah2 jangan-lah di-abaikan di-sebabkan kursus sa-umpama itu.

Beruchap sa-jurus sabelum merasmikan pembukaan kursus dalam perkhidmatan seni musik bagi 31 orang guru di-sekolah2 menengah dan rendah di-negeri ini yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini pada pagi Ahad lepas, Awang Abdul

Lihat muka 16




BERGAMBAR ramai sa-telah majlis perasmian Kursus Seni Musik yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada hari Ahad lalu.

## Ayer merah: Keadaan belum membahayakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Red Tide atau penchemaran ayer merah, sa-jenis organisma laut yang mengandongi rachun munchol sekali lagi di-kawasan perayeran Telok Brunei.

Pehak Perikanan bagaimana pun menyatakan bahawa keadaan itu tidak membahayakan kapada ikan dan udang, tetapi memberi amaran tentang bahaya memakan jenis2 kerang-kerangan.

Red Tide yang berasal dari pertumbohan yang berlebehan dari hidupan organisma laut di-katakan telah mula di-lihat kira2 dua batu di-Timor Laut pantai Muara pada hari Ahad 27hb April yang lalu.

Sejak dari itu, pehak Perikanan telah menjalankan pengawasan terhadap kejadian tersebut dan menjalankan penyelidekan.

Ada-lah di-bimbangkan bahawa pertumbohan organisma yang berwarna kemerah-merahan dan choklat di-kawasan tersebut dikhuatiri akan terus berada sa-panjang tahun. Bagaimana pun kewujudan-nya ketika ini maseh belum membahayakan ikan2 dan udang, tetapi kerang-kerangan ada-lah di-larang untok di-makan.

Penchemaran ayer merah mula menjejaskan bekalan ikan di-negeri ini pada bulan Mach, 1976 di-mana empat orang telah di-masokkan ka-Rumah Sakit Umom akibat termakan ikan berachun dari organisma laut tersebut. Dengan penchemaran itu pehak berkuasa perikanan membatalkan penangkapan ikan dalam negeri buat beberapa waktu dan penyelidekan mengenai ayer kemerah-merahan itu terus di-jalankan sa-panjang masa.

## Minyak maseh lagi ekspot utama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei mendapat kelebehan imbangan perdagangan sa-banyak $4,934 juta bagi seluroh tahun 1979 berbanding dengan $3,556 juta bagi seluroh tahun 1978.

Menurut perangkaan yang di-keluarkan oleh Bahagian Perangkaan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada minggu lalu menunjokkan impot bertambah sa-banyak $223 juta sementara ekspot bertambah sa-banyak $1,601 juta. Jumlah impot dan ekspot bagi tahun 1978 masing2 bernilai $639 juta dan $4,195 juta.

Ekspot utama Negeri Brunei ia-lah minyak mentah dan gas chechair yang mana hasil bagi kedua2 bahan ini pada tahun lalu masing2 bernilai $3,936 juta dan $1,480 juta. Dalam keselurohan tahun 1978 ekspot kedua2 bahan ini masing2 bernilai $2,619 juta dan $1,321 juta.

Hasil2 simpanan minyak petroleum juga merupakan satu lagi bahan ekspot utama Negeri Brunei di-mana dalam tahun 1979 memberikan hasil sa-banyak $286 juta berbanding dengan $165 juta dalam tahun 1978.

Di-samping ketiga2 bahan tersebut, Brunei juga mengekspot sa-chara kechil-kechilan getah asli, papan, kulit binatang dan lada sulah.

Menurut perangkaan itu, alat2 jentera dan pengangkutan yang bernilai $349 juta merupakan impot uta-

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKBBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

7HB MEI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## BERPULOH PIKUL IKAN BOM TERKANDAS DI-PASAR BESAR

APA-KAH perlanggaran sa-suatu undang2 atau peratoran itu di-sebabkan tidak tahu akan ada-nya undang2 dan peratoran2 yang berkaitan? Atau, tahu akan ada-nya undang2 dan peratoran2 itu tetapi sengaja melanggar-nya dengan mengharapkan kesilapan dari pehak2 yang bertanggong-jawab terhadap sa-suatu undang2 dan peratoran2 itu? Ini-lah dua perkara terhadap penghormatan ka-atas sa-suatu undang2 dan peratoran2 yang perchanggahan-nya sering timbul dengan alasan2 yang tidak konkret.

Hari Khamis, 1hb Mei yang lalu, antara kejunterahan berbagai jenis ikan di-Pasar Besar, Bandar Seri Begawan terdapat berpuloh pikul ikan2 besar yang di-tangkap sa-chara menggunakan bahan2 letupan atau biasa-nya juga di-sebut sa-bagai "ikan2 bom". Bila mengetahui ada-nya ikan2 yang demikian itu untok di-jual kapada orang ramai, maka pehak2 yang berkenaan menjalankan tindakan2 segera dengan menahan ikan2 tersebut dari terlepas ka-tangan pembeli2. Sa-jauh yang kita tahu bahawa penahanan ini di-buat ada-lah dengan kerjasama yang erat dari orang ramai yang melaporkan akan kehadiran ikan2 tersebut di-Pasar Besar Bandar Seri Begawan.

Kita yakin bahawa tindakan orang ramai ini ada-lah berikutan dengan tersiar-nya amaran dari Pengarah Perikanan supaya orang ramai jangan membeli ikan2 yang di-tangkap dengan menggunakan letupan, kerana ikan2 yang demikian itu ada-lah mengandongi rachun yang boleh membahayakan kesihatan bagi orang yang memakan-nya.

Amaran itu di-siarkan dalam Pelita, 23hb April lepas dalam mana Pengarah Perikanan merasa yakin tentang ada-nya perchubaan2 untok mengimpot ikan2 yang di-tangkap dengan chara itu dan keyakinan beliau ini ada-lah di-dasarkan kapada beberapa bokti yang tidak lagi meragukan. Dan, sa-minggu sa-lepas amaran itu di-terbitkan, maka perchubaan untok membawa masok ikan2 yang di-tangkap dengan chara "mengebom" itu dapat meluluskan diri dan berjaya masok ka-Pasar Besar, Bandar Seri Begawan. Tetapi bagaimana pun bijaksana-nya pengimpot2 itu, ternyata mereka tidak berjaya melampaui atau melangkahi undang2 dan peratorang2 yang di-dukong oleh orang ramai. Di-sini nyata bahawa kalau kegiatan2 yang di-haramkan oleh undang2 dan peratoran2 itu dapat meluluskan diri dari pandangan pehak2 yang bertanggong-jawab terhadap-nya, namun mereka tidak akan dapat lari dari orang ramai yang juga punya tanggong-jawab dalam memelihara kepentingan2 bersama yang sa-umpama itu. Sa-tiap kegiatan haram dan serta boleh menjejaskan keharmonian yang di-kechap sa-lama ini tidak akan dapat berleluasa, kerana kita ada-lah penchita keharmonian itu dan sadaya upaya akan terus mempertahankan-nya.

Sunggoh pun ikan2 itu berjaya masok ka-Pasar Besar, tetapi ia tidak berjaya di-jual kapada orang ramai dan ini bererti bahawa perchubaan itu telah dapat di-patahkan berkat kerjasama orang ramai. Di-sini-lah kedudokan kerjasama yang di-perlukan itu dan kita menguchapkan sa-tinggi2 ta'niah atas kesedaran orang ramai terhadap betapa perlu-nya menghindarkan perkara2 yang bakal memudharatkan sa-umpama itu.

Tentang tidak tahu ada-nya undang2 yang tidak membenarkan ikan2 bom di-impot dan di-jual kapada orang ramai ada-lah satu saranan yang saja di-buat untok mengisi chakap kerana kehilangan bahan berkaitan yang hendak di-chakapkan. Chakap2 yang sa-umpama ini biasa-nya di-keluarkan kerana tidak ada alasan lain lagi. Sebab, bukan saja Undang2 Perikanan 1973 menentukan garis2 yang salah itu, bahkan sa-minggu sa-belum ikan2 itu di-impot, amaran telah di-buat dan di-sebarkan melalui seluroh media Kerajaan.

Maka itu, apa yang di-harapkan barangkali dalam perchubaan ini ia-lah menunggu kesilapan. Kalau ini yang di-hajatkan, maka ia-nya ada-lah jelas tidak bertanggong-jawab terhadap kepentingan2 keselamatan orang ramai. Hal ini patut di-musnahkan dalam pemikiran yang demikian itu, kerana di-khuatiri akan memakan diri sendiri.

# PADA HEMAT SAYA....

## ......demikian-lah

# KEJADIAN BIASA KELIHATAN LUAR BIASA

"... ayer bukan tid[a] ada, sebab bukan mus[im] kemarau. Chuma aye[r] yang ada itu tidak rap[us] mengalir di-paip2 di-kawasan2 tertentu. Dan malang-nya di-kawasan2 tertentu itu ada masjid dan asrama."

SEKALI pun bekalan ayer terputus sa-chara tidak di-sangka2 namun orang ramai yang terjejas tidak-lah sampai panik. Mereka layak di-beri pujian kerana dapat terus bersikap sederhana, tenang dan berpatutan.

**Sa-benar-nya begitu-lah. Kejadian sa-chara tiba2 pada minggu lepas itu chuma perkara biasa.**

**Yang luar biasa-nya ia-lah: bekalan ayer terputus langsong bukan di-musim kemarau. Orang ramai 'melihat' ayer ada di-kolam-nya, dan ada pula yang sedia di-tangki-nya.**

Mereka di-beritahu perihal kerosakan bekalan letrik ka-jentera mengepam ayer di-Layong. Pengetahuan sa-takat itu tidak pula dapat menahan mereka daripada mengharap (bahkan juga menjangkakan) bahawa sekurang2-nya chatuan boleh di-buat, atau pun perkhidmatan bekalan ber gerak dapat *di-luaskan* ka-setengah2 kawasan yang terok terjejas; dan juga ka-tempat2 yang tidak sa-patut-nya terganggu.

### GANJIL

Masaalah-nya orang sudah terma'alom: Sa-telah sekian lama terasoh berayer di-paip tentu ganjil pula untok berayer di-telaga atau sa-umpamanya.

Dan tambahan pula sumber asli itu ada yang langsong tidak lagi dapat membekalkan ayer sebab sudah lama terbiar. Lalu, bagi pendudok di-Kampong Ayer, mithal-nya, terpaksa-lah bersusah payah *menyambut* ayer dari paip2 yang *available* di-tebing sebelah bandar, dan yang *available* itu kebetulan-nya ia-lah paip2 bangunan kerajaan.

Tentu-lah tidak siapa akan sampai hati menyergah mereka dari berikhtiar begitu. Apa lagi memang di-ketahui mereka *menyambut ayer* sa-kadar sa-gelen dua atau dua tiga baldi atau juga sa-tajau dua untok kegunaan memasak.

**Tinggal lagi, perlu juga mereka menentukan yang ikhtiar mereka itu *di-luruskan* chara-nya.**

**Apa-lah salah-nya — bahkan apa-lah sukar-nya untok bapi-rawis!**

### KA-SANA SINI

Sama juga malang-nya dengan sa-tengah2 orang lain di-kawasan darat yang terjejas. Ada yang bekereta ka-sana sini membawa gelen2 kosong untok di-isi. Akhir-nya mereka berhasil mendapat ayer di-rumah saudara mara atau pun di-pejabat2 Kerajaan yang tidak terjejas.

Luchu-nya, ada yang sampai mengatakan ayer yang *di-ambil-nya* itu bukan saja untok kegunaan memasak tapi lebeh2 lagi ia-lah untok kegunaan *babasoh.*

**Dan entah chuma bergurau-kah atau bagaimana, ada pula yang memberitahu tak dapat sembahyang. Apabila di-sarankan supaya pergi ka-masjid kerana di-masjid di-jangkakan ada ayer untok berwudhu' lalu ada yang menjawab dengan senyum: *"Masaalah-nya ia-lah bukan saja untok wudhu' tapi ia-lah juga untok mandi!"***

Tentu-lah jawaban itu di-maalumi maksud-nya.

Tapi rupa-nya, ada masjid yang langsong keputusan ayer!

### LUAR-BIASA-NYA

Dan mendengar satu pengumoman radio oleh sa-buah sekolah berasrama yang penuntut2-nya di-suroh balek sa-masa keputusan ayer, di-ketahui pula betapa ada sekolah terpaksa berchuti.

**Maka itu-lah yang luar biasa-nya kejadian minggu lepas itu. Yakni: ayer bukan tidak ada, sebab sekarang bukan musim kemarau. Chuma ayer yang ada itu tidak rapus mengalir di-paip2 di-kawasan2 tertentu. Dan malang-nya di-kawasan2 tertentu itu ada masjid dan ada asrama.**

Waktu kemarau panjang pun bukan tidak pernah di-ikhtiarkan pembekalan dengan chara lain.

Mujor-nya sa-belum menjelang hari Juma'at, bekalan ayer sudah puleh saperti biasa. Kalau tidak, chuba-lah bayangkan betapa masjid2 di-kawasan yang terjejas berkemungkinan besar akan lengang. Lain-lah hal-nya kalau ikhtiar sa-chara dharurat segera di-buat.

### TERINGATKAN MUSIM HAJI

Dalam tiga atau empat hari keputusan ayer itu tentu ramai orang teringatkan pengalaman sukar sa-waktu musim haji di-Mekah, di-'Arafah dan di-Mena.

Begitu pun beza-nya nyata sekali. Bekalan ayer sukar di-musim haji itu ia-lah berikutan dari jumlah manusia yang *pajal* dalam satu masa yang sama dan di-tempat yang sa-sama yang sumber ayer-nya amat terbatas. Pun kesukaran bekalan itu tidak-lah sampai menjejaskan sembah[-] yang, sebab masing2 panda[i] berjimat, atau kalau bekal[-] an terputus langsong ta[p] ayer maseh boleh di-be[li] dan orang2 kita sangg[up] membeli-nya.

Lain hal-nya kita di-si[ni]. Keputusan bekalan ay[er] minggu lepas itu dala[m] *suasana lapang* dengan m[a-] sing2 kita tidak menjang[k-] akan terpaksa berjima[t]. Dan apabila chuba ju[ga] berjimat, sayang-nya pa[...] di-rumah tidak pula me[...] bekalkan ayer untok d[i-] jimatkan itu.

Begitu pun, kalau dala[m] kepayahan di-musim ha[ji] ada orang2 kita yang sa[m-] pai panik apabila keputus[an] bekalan ayer, nyata-nya k[e-] jadian minggu lepas sang[at] mengkagumkan. Tidak a[da] orang yang kelamkabut d[i] hilang puncha walau p[un] mereka tahu ayer ada [di] kolam-nya dan ada ya[ng] sedia di-tangki-nya.

**Pendek kata, kejadian i[ni] berlalu dengan selamat d[i] mana pehak2 berkena[an] telah memboktikan keup[a-] yaan bekerja keras di-wa[k-] tu2 yang memerlukan d[an] orang ramai juga menar[uh] pengertian baik.**

Semoga kejadian bi[asa] yang berpuncha dari kero[sa-] kan biasa saperti itu kal[au] berulang lagi tidak p[u]-[la] akan kelihatan luar bi[asa] kesan dan akibat-nya.

*Ketua Pegawai Penerang[an]*



BETAPA dengan berhati2 ayer di-sambut sedang baldi penya[m-] but pula di-sangkutkan pada paip yang berjasa itu!

# RED TIDE RE-APPEARS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is again being threatened by the red tide, a minute organism containing a poison which can be accumulated by molluscs.

The authorities have however stressed that there is no immediate danger to fish and prawns but have warned against eating molluscs of any type.

The discovery of the red tide took place last week about two miles north of Muara beach and were reported by pleasure boaters.

Since then the Fisheries authorities have been closely monitoring the situation and plankton sampling has provided evidence of extensive blooms of the organism in the area to the north of Muara.

Red tides are potentially dangerous to health because of the ability of some bivalve molluscs to feed on the toxic organism and to concentrate the poison.

If these molluscs are then eaten, the concentrated dose of poison can cause sickness, and in extreme cases even death.

Fisheries Authorities last week kept their vigil over the red tide situation.

Aerial and sea surveys were carried out all day long with the laboratory tests as department's personnel monitored the extent and possible future movements of the deadly organism.

The main cause of worry for Mr Richard Beales, the Director of Fisheries and his men is probably present in the waters off Brunei throughout the year.

In small numbers, it is hardly noticed and caused no problem.

To the casual observer, it looks like nothing more than a reddish-brown cloud of mud suspended on the surface of the sea.

The area contaminated last week is said to be just 1½ miles off Muara, frequented by local fishermen.

The authorities say the chemical poison present in the organism does not affect the mollusc itself, but becomes concentrated in their digestive organs. And the poison is not entirely destroyed by boiling. Physical contact is not harmful though.

The symptoms of red tide poisoning include numbness, tingling of the lips and tongue and giddiness.

The red tide last polluted Brunei waters in March and April 1976.

## H.H. the Sultan invited to attend Malaysian King's Coronation

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Malaysian Foreign Minister, Tengku Ahmad Rithaudeen paid an unofficial visit to Brunei last week.

He arrived by a special aircraft with four other senior Malaysian Government officials.

They were welcomed at the airport by His Excellency the British High Commissioner, Mr. Arthur Watson, the Acting State Secretary, Dato Setia Abdul Rahman, Y.A.M. Pengiran Senggamara Diraja Lt Col Pengiran Ibnu and the Honourable Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abbas Al-Sufri.

Shortly after his arrival, he and his party headed for Istana Darul Hana where they had an audience with His Highness the Sultan dan Yang Dipertuan.

During the audience, Tengku Ahmad Rithaudeen conveyed a special message from the Malaysian King, His Majesty Yang Dipertuan Agong to His Highness the Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, which was the sole purpose of his brief visit.

The message contained an invitation for Their Highnesses the Sultan and Raja Isteri as well as the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan to attend the coronation of the Malaysian King as the Agong of Malaysia.

The ceremony will be held in the Malaysian capital, Kuala Lumpur in July this year.

Besides that Tengku Ahmad Rithaudeen also conveyed the best regards from His Majesty Yang Dipertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, the Malaysian Prime Minister, Dato Hussein Onn and his wife Datin Suhaila to His Highness the Sultan dan Yang Dipertuan and the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Present at the ceremony were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, the British High Commissioner, the General Advisor to His Highness the Sultan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Lalia Utama Awang Isa, the Menteri Besar YAB Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the acting State Secretary and other senior government officials.

The four and a half hour visit was Tengku Ahmad Rithaudeen's second in fourteen months.

He was in the state in February last year to convey a congratulatory message from the Malaysian government on the signing of the Anglo-Brunei treaty of friendship and cooperation leading to Brunei's independence in 1983.

Before returning home, Tengku Ahmad Rithaudeen and his delegation also visited the Churchill Memorial and Radio Television Brunei in the capital.

## New Commanding Officer

BERAKAS CAMP.—Lieutenant Colonel J A Cheshire is now the new Commanding Officer of the Airwing of the Royal Brunei Malay Regiment.

He is from the Royal Airforce and took up the new post effective from last Thursday.

He replaced Lieutenant Colonel A J Mackinnon who has completed his two and a half year service with the regiment.

Meantime, 19 non-commissioned officers and an officer of the regiment's Second Batalion last Thursday received long-service and good conduct medals at a ceremony held at the battalion's complex in Tutong.

The Commander of the regiment, Brigadier Duncan Cameron made the presentation which took place before a parade mounted by about 200 soldiers.

Among those present at the ceremony were the relatives of the soldiers and senior officer of the battalion.

## WI members off for Hamburg

BANDAR SERI BEGAWAN. — Five members of the Brunei Women's Institute left the country for West Germany via London yesterday to attend the World Conference of the Associated Country Women Clubs of the World.

The meeting will be held at Hamburg in mid-May.

The delegation was headed by the Institute's Chairwoman, Dayang Hajjah Marhani binte Haji Abdul Latif

The other members are Dayang Mariam bte Abdullah, Pg Rohana bte Pg Temanggong Sahibol Bahar Pg Hj Mohammad, Dayang Siti Norazian bte Borga and Dayang Aminah bte Yussof.

The conference also marks the 50th anniversary of the Associated Country Women Clubs of the World.

## Sabahans visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Sabah Minister of Youth, Sports and Culture, Datu Abdul Hamid bin Tun Haji Mustapha arrived here on Friday for a visit.

He headed a delegation of members of the Sabah Cultural Body-SENIRAMA.

The first batch comprising 36 members of the same organisation arrived in the State on Thursday.

They are the guests of the Brunei State Youth Council.

During their stay in Brunei, they made two cultural performances at the Youth Centre here.

The first performance took place on Friday evening and the second one on Sunday evening.



THE Assistant Commissioner of Police, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, addressing at the opening ceremony of a new police post at Kampong Putat.

# New Police Post

KAMPONG PUTAT. — The Assistant Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar last Thursday morning declared open a new Police Post here.

He also planted a coconut tree to commemorate the occasion.

Those attended the ceremony included the Brunei-Muara District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah the district's OCPD, Dato Haji Abdul Rahman, village chiefs, penghulus and villagers.

The post was completed early this year with cost of approximately forty to fifty thousand dollars.

It is run by a party of policemen under the command of Dato Haji Abdul Rahman.

## Consumer price index

BANDAR SERI BEGAWAN. — The cost of living in Brunei slightly increased in March this year.

The consumer price index for the month was 116, 0.3% higher than February.

It was an increase of 4.6% over the corresponding period last year.

The cause for the minor increase was the higher food prices and cost of transportation and communications.

The largest hike was the car servicing charges and motor oil which raised the transport and communications index by 1.2%.

## *Teachers advised to use psychology*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Teachers in Brunei were advised to apply psychology in educating school children.

The former Menteri Besar, Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, was speaking when he officiated the Brunei Malay Teachers Association representatives' annual general meeting held at the association's premises here last week.

He added that the responsibilities and duties of teachers are not only to teach students but also to foster the spirit of nationalism among them.

At the ceremony, six students each received a cheque for ranging from $250 to $450 donated by the association.

The recipients are the best students in last year's BJCE, Brunei GCE "A" Level and Singapore GCE examinations.

At the meeting, new administrative committee members were also elected.

Meanwhile, a total of 70 commercial subject teachers attended a one-day seminar at the Pusar Ulak Malay School here last week.

The Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman declared open the seminar.

He said the government has allocated one and a half million dollars for this year's commercial studies.

Four tutors, conducting the conference, delivered talks on various commercial subjects.

The forum was jointly organised by the Examination Board and the Adult Education Section of the Education Department.

## Birthday flight for students

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei Airlines celebrates the fifth anniversary of its first flight on 14 May 1980.

As part of the celebrations, 80 Brunei school children have been invited to fly on a special Royal Brunei flight taking off at 10.30 on 14 May.

The aircraft will fly the children over Temburong before flying to Kuala Belait and returning to Brunei International Airport.

The children for this flight have been chosen because they did best in English, Maths and Science subjects in the last common entrance examinations.

The Airline's General Manager, Mr Alan Douglas, explained they would like to encourage school-children to study these subjects to prepare themselves to assist in the future development of Brunei.

The State and Royal Brunei will require more and more technicians for whom Maths and Science will be basic requirements.

English is the international language of aviation and commerce and will be useful in many different careers in Brunei.

Meanwhile, the national carrier held an advertising presentation at the Churchill Memorial Lecture Room here last week.

The presentation was part of its commercial campaign for this year.

The airlines' Commercial Manager, Mr John Kirby, delivered a special address to the guests, mostly travel agents.

The slide and film shows outlining the carrier's commercial activities since its inception five years back was presented by the Singapore firm of Advertising Associates which is dealing with the Royal Brunei's advertising business.

## 14 farmers attend course

JERUDONG. — 14 young farmers are presently attending a familiarisation course at the Luahan Agricultural Project here.

They have just completed a two year course at the Sinaut Agriculture Training Centre.

The four-week course commenced on Thursday is in preparation for the Birau Agricultural Project under which the trainee farmers will be granted about ten acres of land to be developed either as cattle breeding grounds or as pepper or fruit growing areas.

The whole scheme will cover about 170 acres of land.

The project started in 1978 with the first intake of young farmers who are said to be making a great profit.

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

**siri ke-31**

# PERKARA GAMBAR ATAU LUKISAN

1. **JENIS2 GAMBAR**

Berchakap tentang gambar, ada bermacham2 jenis-nya tetapi sa-chara umom dapat di-bahagikan kapada dua :

* *Jenis gambar yang tiada bernyawa saperti gambar dari rupa2 rumah, pohon, gunong, sawah dan sa-umpama-nya.*
* *Jenis gambar, yang ada bernyawa saperti gambar dari rupa hai-wan (binatang) termasok-lah burong, ikan, serangga, manusia dan sa-umpama-nya.*

2. **HUKUM MEMBUAT GAMBAR :**

* **Menggambar dan melukis benda2 yang tiada bernyawa itu ada-lah harus dan boleh pada shara'.**
* **Sementara menggambar dan melukis benda2 yang bernyawa itu ada-lah salah dan berdosa pada shara'.**

3. **HUKUM MENGGUNAKAN GAMBAR**

Di-sini harus-lah di-faham bahawa **membuat gambar** dan **menggunakan gambar** itu ada-lah dua perkara yang berlainan. Suka saya menerangkan di-sini bahawa **menggunakan gambar dari benda2 yang bernyawa** itu hukum-nya ada-lah saperti berikut :

* Kira-nya gambar2 itu ada jasad yakni sa-suatu yang mempunyai isi padu dan luas saperti patong orang, patong binatang, burong, ikan dan serangga—hukum-nya ada-lah haram. Kechuali menggunakan patong yang tiada ber-kepala atau tiada ber-anggota yang tidak bo-leh hidup dengan tiada anggota itu saperti pa-tong sa-paroh badan, maka yang demikian hukum-nya harus.
* Mengenai gambar dan lukisan dari rupa hai-wan yang bernyawa dengan tiada berjasad (tiada isi padu), kira-nya gambar2 itu di-hormati saperti di-sang-kutkan di-dinding atau di-letakkan di-tempat tinggi maka haram hu-kum-nya meletakkan gambar binatang itu dengan keadaan sa-demikian.
* Ada pun jika gambar2 itu di-letakkan pada tempat yang hina saper-ti di-tikar atau pada ko-shen di-mana orang me-mijak, mendudoki dan menyandari-nya, maka harus menggunakan gambar itu.
* **Menggunakan gambar2 yang di-ambil dengan menahan bayang ben-da2 yang bernyawa sa-perti gambar yang di-ambil dengan alat foto-graf atau talivishen ada-lah harus pada sa-tengah2 ulama. Ini menjadi kemudahan dan kelapangan ka-pada umat Islam** *(tersebut dalam kitab Al-Minhaj dan Tarshi-hul-Mustafidin).*

**DALIL DALAM PERKARA MEMBUAT DAN MENGGUNAKAN GAMBAR**

Al-Imam Al-Bokhari dan Al-Imam Muslim telah meriwayatkan sa-buah ha-dith Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) sabda Baginda :

إنّ الّذين يصنعون هذه الصّور يعذّبون يوم القيامة يقال لهم: احيوا ماخلقتم

Erti-nya : *Bahawa mereka yang membuat gambar2 itu akan di-seksa pada hari Kiamat. Di-katakan kapada mereka (oleh Malaikat) : "Hidupkan gam-bar2 yang telah kamu buat itu."*

Al-Imam2 Al-Bokhari dan Muslim telah meriwayatkan dari sahabat Ibnu Abbas (Radhialla-hu 'Anhuma) bahawa telah da-tang sa-orang laki2 kapada-nya lalu berkata : "Saya-lah yang melukis gambar ini, maka saya minta tuan beri fatwa kapada saya dalam perkara ini".

Berkata sahabat Ibnu Abbas : "Kamu dekat-lah dengan saya". Lalu orang itu pun datang men-dekati sahabat Ibnu Abbas. Sa-telah dia dekat, sahabat Ibnu Abbas pun meletakkan tangan-nya di-atas kepala orang itu, sambil berkata : "Saya khabar-kan kapada kamu apa yang te-lah saya dengar dari Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), saya telah dengar Rasulullah ber-sabda :

كلّ مصوّر في النّار يجعل له بكلّ صورة صوّرها نفسا تعذّبه في جهنّم.

Erti-nya : *"Tiap2 pelukis gam-bar itu bertempat dalam neraka, di-untokkan kapada-nya bagi tiap2 satu gambar yang telah di-gambarkan-nya akan satu lem-baga yang bernyawa yang meng-azabkan dia dalam api neraka jahanam".*

Kemudian berkata sahabat Ibnu Abbas : *"Kira-nya kamu mesti membuat gambar2, maka kamu buat-lah gambar pohon dan gambar yang tiada ber-nyawa".*

Al-Imam Al-Bokhari dan Mus-lim dan lain2 ulama hadith me-riwayatkan daripada Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) :

لا تدخل الملائكة بيتا فيه كلب ولا صورة ولا تماثيل

Dan menurut satu riwayat Muslim di-letak perkataan ولا تماثيل bagi ganti ولا صورة

Erti-nya : *"Malaikat rahmat tiada masok ka-dalam rumah yang ada di-dalam-nya sa-ekor anjing, dan tiada masok juga ka-dalam rumah yang ada di-dalam-nya sa-keping gambar." (Dalam satu riwayat lain : tiada masok malaikat ka-dalam rumah yang ada di-dalam-nya patong).*

**PENDAPAT IBNU HAJAR**

Dalam kitab Az-Zawajir sa-telah Al-Imam Ibnu Hajar membawa ayat Kor'an dan Ha-dith dalam perkara gambar itu, ia pun berkata : *"Tiada ber-tentangan dengan pendapat ula-ma feqah yang mengharuskan gambar itu di-atas lantai atau pada hamparan, tikar dan sa-umpama-nya. Gambar2 itu harus di-biarkan, dan tiada wa-jib di-hapuskan sebab gambar2 itu terletak di-tempat yang di-hinakan".*

Kata-nya lagi : *"Mengenai masa'alah 'membuat gambar hai-wan', ada-lah haram semata2 sekali pun tiada di-gambarkan pada gambar2 itu anggota batin atau tiada di-gambarkan sa-tengah anggota zahir, pada hal haiwan itu boleh hidup dengan tiada anggota zahir itu."*

*"Ada pun permainan kanak2 perempuan di-kechualikan dari tegahan ini, (kerana tujuan per-mainan kanak2 perempuan ia-lah melateh kanak2 perempuan supaya biasa mengasoh anak)".*

Kata-nya : *"Sabda Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) :*

لا تدخل الملائكة بيتا فيه كلب ولا صورة ولا جنب

Erti-nya : *"Malaikat rahmat tiada masok ka-dalam rumah yang ada di-dalam-nya anjing dan gambar dan orang ber-junub."*

Ibnu Hajar menerangkan pe-ngertian Malaikat pada hadith ini ia-lah malaikat yang mem-bawa berkat dan rahmat kapada tuan rumah dan kapada rumah itu sendiri. Ada pun malaikat yang mengawal manusia sentiasa berada di-sisi manusia.

Dan maksud orang 'junub' ia-lah orang yang melambatkan mandi junub atau mandi hadath sa-hingga masok waktu sembah-yang, bahkan orang yang men-chuaikan mandi hadath sa-hing-ga menjadi adat kapada-nya.

Dan maksud gambar itu ia-lah tiap benda yang mempunyai roh, sama ada ia merupakan lem-baga berdiri atau ia di-lukis, sa-ma ada ia di-lekatkan di-din-ding atau shiling atau di-tenun-an saperti di-baju atau di-lain2 tempat.

**MEMBELA ANJING**

Sementara maksud anjing yang tiada malaikat masok ka-dalam rumah ia-lah anjing yang lain dari anjing di-buat untok berburu dan anjing yang bertujuan menjaga rumah atau harta (dari Az-Zawajir dengan rengkas).

Dari hadith2 ini dapat di-fahamkan bahawa membela an-jing (sa-lain dari anjing buruan dan anjing jaga) menyimpan gambar dan lambat mandi junub, menjadikan rumah itu tiada mendapat perlindongan daripada Malaikat yang membawa rah-mat dan berkat. Sa-lain itu ia juga boleh mengurangkan pahala orang yang membela anjing itu dalam kadar pada tiap2 hari dua qirat.

Ada pun gambar luchah, pe[...] churan dan ibahiah ada-lah ha[...] ram dan tiada sekali2 di-bena[...] kan dalam ugama Islam, sa[...] bagaimana hadith yang di[...] riwayatkan oleh Al-Imam A[...] Tirmizi dan Ibnu Hibban :

[...]حياء من الإيمان والإيمان [...] الجنّة والبذاء (اي [...] الفحش) من الجفاء والجفاء [...] النّار

Erti-nya : *"Malu itu sua[...] dari sifat orang yang berima[...] Dengan iman itu membawak[...] orang yang beriman ka-dal[...] shorga. Jahat perkataan [...] kelakuan itu suatu sifat dari s[...] keras hati. Dengan keras h[...] itu membawa orang yang ke[...] hati itu ka-dalam neraka".*

Dengan Hadith yang di-riw[...] yatkan oleh Al-Imam Ahmad

[...]ن الفحش والتفحّش ليسا من [...]لإسلام في شيء وانّ أحسن [...]لناس إسلاما احسنهم خلقا.

Erti-nya : *"Bahawa jahat p[...] kataan dan kelakuan dan sen[...] haja melakukan kedua2-nya [...] bukan-lah dari pengajaran [...] lam. Bahawa sa-baik2 ora[...] Islam ia-lah orang yang b[...] perangai-nya."*

WALLAHU A'LAM

**PEMBETULAN**

PETEKAN ayat Al-Kor'a[...] dalam siri ke-25 keluara[...] 26hb Mach 1980 sila bach[...] saperti berikut :—

[...]ان افضتم من عرفات فاذكروا [...]ه عند المشعر الحرام.

bukan ..... عن المشعر الحرام.

Kami memohon ma'af.




# BERPEGANG TEGOH KAPADA AL-KOR'AN DAN HADITH

SA-SUNGGOH-NYA masharakat manusia pada hari ini maseh berada di-dalam kegelapan tanpa panduan dan pegangan hidup yang sa-benar. Ini bukan-lah sebab tidak ada petunjok yang sa-benar, tetapi di-sebabkan ada sifat2 yang senghaja tidak mengindahkan petunjok yang sa-benar2-nya. Bahkan mereka sering berchakar antara satu dengan lain, menggunakan kuasa yang di-amanahkan tidak kena pada tempat-nya, mengerjakan perkara2 munkar dan maksiat, di-mana mereka di-hukum oleh kuasa hati dan hawa nafsu mereka sahaja, tanpa memikirkan kepentingan dan hajat orang lain.

Perkara2 demikian berlaku ada-lah kerana pengabaian ajaran Allah dan tidak beriman kapada isi kandongan Al-Kor'an dan Sunnah Rasul yang di-bawa oleh Junjongan kita Muhammad s.a.w.

Allah s.w.t. telah menegaskan dalam banyak ayat Al-Kor'an menerangkan bahawa Al-Kor'an itu ada-lah sa-bagai panduan hidup dan petunjok yang dapat menyelesaikan segala problem kemasharakatan manusia yang sa-mesti-nya kita pegang, di-ikuti serta di-amalkan oleh sa-tiap manusia terutama-nya bagi mereka yang mengaku diri-nya berugama Islam, kita mesti-lah ingat bahawa akibat mengabaikan ajaran Allah melalui Al-Kor'an ajaran Rasulullah s.a.w. melalui hadith maka kita akan sesat di-dalam menempoh hidup yang sempurna dan berundang-undang.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Dari Kasir bin Abdullah dari ayah-nya dari datok-nya r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang tidak akan tersesat kamu, Islam kamu berpegang tegoh kapada kedua-dua-nya ia-itu: Kitab Allah (Al-Kor'an) dan Sunnah Nabi (Hadith)."*

Al-Kor'an menjadi pedoman kapada sekalian manusia ada-lah satu perkara yang tidak boleh di-ragukan lagi, tetapi malang-nya maseh ada lagi manusia yang berhati engkar dan menolak kebenaran Al-Kor'an dengan berkata bahawa Al-Kor'an ada-lah penghalang kemajuan dan kebebasan yang hendak di-lakukan

"نعوذ بالله من ذلك"

yang sa-benar-nya Al-Kor'an tidak menghalang menjalankan kuasa yang di-amanahkan dan tidak menghalang kebebasan kita, asalkan dengan jalan yang tidak bertentangan dengan kehendak Al-Kor'an (undang2 Allah) ia-itu hendak-lah dengan jalan keadilan bukan dengan kehendak hati diri sendiri. Bukan dengan membolehkan yang tidak boleh dan menidakbolehkan perkara yang boleh.

Kalau kita renongkan dan fikirkan kehendak Al-Kor'an dan Hadith, maka sudah tentu negara akan aman damai, hidup bermuafakat, saling perchaya memperchayai dan berkejujoran.

Berpegang tegoh-lah kapada Al-Kor'an dan Hadith kerana menjauhkan kedua-nya ada-lah tanda2 kechelakaan ka-atas diri kita.

# Menjadi-lah dermawan yang ikhlas

DI-DALAM sejarah kebangkitan Ugama Islam kita dapati banyak di-antara tokoh2 dalam ugama kita itu yang memileki sifat2 dermawan, salah sa-orang daripada-nya ia-lah Saidina Abu Bakar As-Sidiq ia-itu Khalifah Islam yang pertama.

Saidina Abu Bakar dengan penoh kejujoran dan kemurnian hati Baginda telah mengorbankan banyak harta benda yang antara lain tujuan-nya ia-lah untok perkembangan Ugama Islam sendiri dan untok belanja pembebasan hamba² yang berugama Islam dari belenggu penyeksaan tuan2 mereka masing2. Di-antara hamba2 yang menerima sumbangan bakti Saidina Abu Bakar itu termasok-lah Bilal, Muazzin (tukang bang) di-zaman Rasulullah s.a.w.

Derma bakti dan sumbangan serta pengorbanan yang suchi dari Baginda itu telah diterangkan sa-jelas2-nya sa-bagai chontoh di-dalam Al-Kor'an surah Al-Lail ayat 19 hingga 21 yang bermaksud: *"Dan tidak ada padanya budi sa-seorang yang patut di-balas, melainkan sa-mata² keran menchari keredhaan Tuhan-nya yang maha tinggi, dan dia akan redha dan senang".*

Sa-sunggoh-nya hati yang jujor, ikhlas dan murni akan sentiasa berusaha untok menghulorkan sumbangan, baik sumbangan tenaga atau fikiran atau pun harta benda. Sumbangan itu pula bukan-lah di-dorong atau di-tarek oleh sebab2 duniawi atau mengharapkan balasan sa-bagai hasil pengorbanan yang diberikan walau bagaimana besar-nya sekali pun. Jelas-nya keikhlasan dalam menghulorkan sumbangan itu bukan-lah bermakna untok membalas budi dan budi yang di-beri bukan pula untok minta dibalas.

Sa-bagaimana sedia di-maklumi bahawa kita ia-itu umat Islam ada-lah sa-bagai makhlok Allah yang paling mulia di-sisi-Nya. Jesteru kerana itu sifat2 kemanusiaan kita patut-lah di-rangkaikan dengan kejujoran dan keikhlasan di-dalam sa-tiap amal kebajikan serta penoh pula dengan tekad untok berkorban sa-mata2 kerana Allah dan keredhaan-Nya.

**O Bingkisan minggu ini**

Sa-sunggoh-nya kejujoran dan keikhlasan kita akan bertambah tinggi nilai-nya apabila di-dapati yang kita bukan sahaja tidak mengharap balasan duniawi malah juga tidak mengharapkan balasan pahala daripada Allah, lantaran tujuan kita yang sa-benar-nya hanya-lah sa-mata2 untok mendapat keampunan daripada-Nya. Maka dengan harapan ini-lah kelak kita akan merasakan bahagia dan gembira bukan merasa rugi dan bimbang, sa-bagaimana yang di-maksudkan oleh firman Allah tadi.

Demikian-lah perkara2 yang patut kita perhatikan dalam sa-tiap kerja2 bakti dan kebajikan kita untok kepentingan ugama dan masharakat Islam, ia-itu-lah berlandaskan kejujoran dan keikhlasan. Sa-sunggoh-nya akan berbahagia-lah nanti sa-tiap hamba Allah yang menitek-beratkan perintah2-Nya; dan sa-tiap sumbangan bakti itu tetap akan di-peroleh hasil-nya apabila tiba masa-nya kelak.

# Belia2 di-seru berpakaian Melayu lebeh terator

KULAPIS.—Pendudok2 Kampong Kulapis terutama-nya kaum belia2 telah di-seru supaya sentiasa mengamalkan dan memakai pakaian chara orang2 Melayu dengan lebeh terator samada, di-majlis2 kahwin, berzikir, sambutan2 keugamaan dan sa-bagai-nya.

Dengan chara mengamalkan perbuatan sa-umpama itu baharu-lah kita dapat menunjokkan tentang adat istiadat orang2 Melayu yang benar2 berteraskan kebudayaan dan adat resam orang2 Melayu kapada masharakat lain di-negeri ini.

Seruan ini di-buat oleh Ketua Kampong Kulapis, Awang Nayan bin Apong ketika beruchap memberikan taklimat oleh2 dari kursus sivik kapada pendudok2 kampong yang telah di-adakan di-rumah beliau di-sini pada malam Selasa yang lalu.

Beliau menegor sa-tengah belia2 memakai pakaian chara Melayu dengan tidak memakai songkok yang di-sifatkan beliau perbuatan saperti ini belum lagi menchukopi sharat2 bagi kita untok memperlihatkan adat istiadat kita kapada masharakat lain.

"Apa yang kita sedia maalom bahawa kita orang2 Melayu yang sudah terkenal sa-bagai satu masharakat yang mengamalkan pakaian chara Melayu di-zaman datok nenek kita dahulu. Maka dengan itu saya berseru kapada beliau2 supaya akan dapat berbuat demikian", ujar beliau dengan penoh harapan.

Di-samping itu beliau juga telah menyeru pendudok2 kampong supaya akan dapat memberikan kerjasama kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam menjamin kehidupan anak2 buah saperti yang di-hasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa memberikan kesejahteraan dan keamanaan hidup kapada raayat di-negeri ini.

Kata-nya, tanpa kerjasama di-antara pendudok2 kampong segala projek2 dan ranchangan2 pembangunan kerajaan tidak akan berjaya malah akan membawa kapada kelambatan dalam melancharkan projek2 yang sedang di-usahakan oleh kerajaan itu.

Beliau seterus-nya mengingatkan pendudok2 kampong Kulapis supaya akan sentiasa hormat-menghormati, saling bantu membantu di-antara satu dengan lain dan mengamalkan sifat bersatu padu dan bukan-nya berpechah belah.

Kapada pendatang2 baru di-kampong itu beliau berseru supaya akan dapat memberikan kerjasama dan dapat menghadapkan sa-barang masaalah kapada ketua kampong untok di-ambil tindakan atau pada menyelesaikan masaalah yang di-hadapi itu.

Majlis tersebut telah dihadhiri oleh lebeh daripada 50 orang pendudok Kampong Kulapis.



## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7hb Mei, 1980 hingga ka-hari Selasa 13hb Mei, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 8hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 9hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 10hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 11hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 12hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 13hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# PEMBENTOKKAN J-KUASA TETAP PENYELARASAN DRAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-bagai lanjutan daripada Peraduan Menulis Drama Radio-TV, Artikel dan Mengarang Cherita yang telah di-anjorkan sa-bagai salah satu achara Sambutan Tahun Hijrah 1400, terbentok-lah sa-buah Jawatankuasa Tetap yang telah di-luluskan oleh Kerajaan yang ahli2-nya terdiri daripada empat gabongan jabatan di-negeri ini. Jawatankuasa Tetap ini dikenali sa-bagai Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Drama. Jawatankuasa Tetap ini menggantikan Jawatankuasa Kechil Peraduan Menulis Drama Radio-TV/Artikel dan Mengarang Cherita.

Jawatankuasa Tetap ini terdiri daripada sa-orang Pengerusi ia-itu Awang Mahmud Haji Bakyr, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-orang Setiausaha, Awg Md Ali Abd Razak, Pegawai Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka dan tujoh orang ahli yang terdiri daripada — Awang Haji Badaruddin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awg Haji Ahmad bin Kadi, Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg Badaruddin Pg Ghani, Ketua Ranchangan RTB, Awang Haji Jali Abd Latiff, Pensharah Pusat Tingkatan Enam, Awang Muhammad Abd Latiff, Ketua Pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Yusof Haji Abd Kadir, Ketua Pengelola Ranchangan RTB, dan Awg Wahab Mohammad, Penerbit Kanan RTB.

Jawatankuasa Tetap ini akan menjadi sa-buah jawatankuasa antara-jabatan dalam memupok bidang kerjasama antara jabatan2 yang berkenaan dan menjadi saloran untok mengatasi masaalah yang berbangkit di-sekitar drama, serta berusaha untok meningkatkan mutu drama di-negeri ini. Jawatankuasa ini menghaharapkan sa-tiap Tahun Baru Islam akan di-ingati kedatangan-nya dengan menyediakan ranchangan di-sekitar persembahan drama yang berchorak keIslaman.

Jawatankuasa Tetap ini seterus-nya akan bertindak untok menerima, mengundang dan mengadakan skerip drama radio dan talivishen yang berunsor ke-Islaman untok di-siarkan melalui radio dan talivishen pada hari2 perayaan Islam saperti Sambutan Nuzul Al-Kor'an dan Hari Raya Haji.

Sa-bagai "follow-up" daripada peraduan yang telah di-adakan, Jawatankuasa Tetap ini juga menganjorkan peraduan menulis drama untok persembahan/bachaan audiens di-kalangan kanak-kanak dalam lengkongan umor 12-16 tahun. Peraduan ini terbahagi kapada tiga bahagian: (i) Drama Pentas, (ii) Drama Radio, dan (iii) Drama Talivishen. Sa-jumlah $5,400.00 telah di-sediakan untok ketiga-tiga peraduan ini.

Satu Perjumpaan Penulis dan Ahli2 Jawatankuasa akan di-adakan di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Ahad, 11hb Mei, 1980 mulai 8.30 pagi. Seluroh penulis dan bakal peserta peraduan ini di-alu2kan untok menghadhiri Perjumpaan tersebut untok menerima penerangan lanjut daripada ahli2 Jawatankuasa Tetap Penyelerasan Drama.



AHLI2 Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Drama. Dari kanan ka-kiri Awang Mahmud Haji Bakyr (Pengerusi), Awang Md Ali Haji Abdul Razak (Setiausaha), Awang Haji Yusof Haji Abdul Kadir, Awang Haji Jali Abdul Latiff, Awang Muhammad Abdul Latiff, Awang Abdul Wahab bin Muhammad; Awang Haji Ahmad Kadi dan Awang Haji Badaruddin Pengarah Haji Othman. — Gambar DBP.

## Perjumpaan Penulis-Ahli2 J-kuasa Peraduan menulis Novel

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tahun Hijrah 1400 yang telah di-sambut sa-chara besar2an di-negeri ini dan di-seluroh dunia umom-nya telah memberikan suatu kesan yang mendalam dalam diri umat manusia. Ia dapat di-sifatkan sa-bagai *the turning point* untok melihat dan merenong sa-jauh mana rebah-bangun-nya perjuangan umat Islam masa lalu, masa kini dan masa akan datang untok membentok identiti keIslaman.

Dalam menghayati dan memperingati Tahun Hijrah 1400 yang amat bererti itu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei telah membentok sa-buah Jawatankuasa Peraduan Menulis Novel yang di-pengerusikan oleh Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Peraduan itu terbuka kapada seluroh warganegara dan yang berhak menjadi warganegara Brunei.

Thema peraduan ini berunsor dan berlatar-belakangkan perkembangan shi'ar Islam dalam menghayati penghidupan dan pembangunan negara di-Brunei. Maksud *pembangunan negara* ada-lah menchakup usaha2 pembangunan rohani dan jasmani di-Brunei sejak tahun 1959 hingga-lah sekarang yang melibatkan perubahan2 hidup serta chara hidup ra'ayat dan pendudok Brunei.

Tujuan peraduan ini, salain daripada untok menepati salah satu objektif sambutan Tahun Hijrah 1400 juga di-hasratkan sa-bagai persediaan menyambut kemerdekaan Brunei dalam tahun 1983. Sa-jumlah $19,000.00 wang tunai di-sediakan untok peraduan ini. Pemenang Pertama akan menerima wang tunai sa-jumlah $7,000.00; Pemenang Kedua $5,000.00 dan Pemenang Ketiga $3,000.00. Empat Hadiah Penghargaan yang masing-masing bernilai $1,000.00 sa-tiap satu juga akan di-berikan.

Untok penerangan lanjut mengenai peraduan ini, satu Perjumpaan Penulis-Ahli2 Jawatankuasa akan di-adakan pada hari Ahad, 11hb Mei, 1980, jam 8.30 pagi, bertempat di-bilek kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Semua penulis dan bakal peserta peraduan ini di-alu2kan menghadhiri Perjumpaan itu. Borang penyertaan serta Sharat dan Peratoran Peraduan juga akan di-edarkan dalam Perjumpaan tersebut.

## Kempen anti TB D-Belait

KUALA BELAIT. — Satu majlis mashuarat antara Jawatankuasa Bantuan Alaon Tibi dan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang Daerah Belait telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Selasa yang lalu.

Mashuarat itu ada-lah bertujuan untok mendapatkan sokongan dari Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang bagi satu kempen anti batok-kering yang akan dilancharkan di-daerah itu lewat tahun ini.

Di-samping itu juga mashuarat tersebut bertujuan untok memberikan garis2 kasar dan panduan2 kapada Ketua2 Kampong itu tentang bahaya-nya penyakit batok-kering kapada orang ramai.

Ahli2 Jawatankuasa itu terdiri dari Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Mohd Said bin Pengiran Hj Abu Bakar, Awang Haji Abd Rahman bin Abdul Razak dan Yang Berhormat Datu Temanggong Dato Seri Paduka Awang Lim Cheng Choo.

Dalam uchapan-nya Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar menyatakan bahawa tujuan alaon bantuan Tibi ini di-adakan ada-lah bagi membantu orang2 yang di-hinggapi penyakit batok-kering atau Tibi.

Di-samping itu beliau juga mengingatkan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-Daerah Belait supaya akan dapat membersehkan kawasan kampong masing2 dalam usaha untok mengujudkan alam sekitar dan kesihatan.

Supaya dengan langkah2 yang sa-demikian itu, jelas Yang Berhormat mudah2an kita akan terlepas dari penyakit yang berjangkit saperti batok-kering yang mana puncha utama penyakit tersebut ia-lah keadaan alam sekitar yang tidak berseh.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss bin Al-Marhum Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad.



KELIHATAN di-gambar atas Ahli2 Jawatankuasa Bantuan Alaon Tibi yang mengadakan mashuarat dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang Daerah Belait pada hari Selasa lepas.

## Bus W.I. mulaka[n] perkhidmatan

BANDAR SERI BEGA[WAN]. — Pertubohan P[er]kumpolan Perempuan Br[u]nei (WI) telah memulak[an] perkhidmatan bus-nya p[a]da hari Khamis 1hb M[ei] yang lalu. Perkhidmat[an] perjalanan bus terseb[ut] ada-lah di-antara Jalan B[e]rakas dan Muara bagi [pe]nuntut2 sekolah.

Penyerahan surat tu[gas] perkhidmatan bus itu te[lah] di-sampaikan oleh Awa[ng] Abd Hamid bin Ismail, [Pe]gawai Pentadbir kanan [Ja]batan Pelajaran bagi peh[ak] Pengarah Pelajaran Bru[nei] kapada Pengerusi WI, [Da]yang Hajjah Marhani bi[nti] Abdul Latif.

Upachara penyerahan [su]rat tugas2 perkhidmatan telah di-langsongkan [di-] Bengkel Jabatan Pelaja[ran] di-Pusar Ulak di-ibu ne[geri] di-sini pada hari Rabu 3[0] April yang lalu.

Bus kepunyaan Pertub[oh]an Perkumpolan Peremp[uan] Brunei itu berharga ki[ra2] $85,000.00 dan boleh m[em]bawa sa-ramai 40 orang [pe]numpang.

Turut hadhir di-upac[ha]ra itu termasok-lah Pe[ga]wai Kenderaan, Awang Abdul Wahid bin Pehin [Da]to Paduka Haji Abu Bak[ar] Dayang Mariam binte [Ab]dullah, Timbalan Penge[rusi] WI serta pegawai2 dari [Ja]batan Pelajaran dan a[hli2] jawatankuasa WI.

## 129 orang lulu[s] Pepereksaan Kerani Rendah

BANDAR SERI BEG[A]WAN.—Sa-ramai 129 ora[ng] chalun telah lulus Peper[ek]saan Kerani2 Rendah ya[ng] telah di-adakan dalam [bu]lan Januari yang lalu.

Pepereksaan tersebut [te]lah di-adakan di-em[pat] buah pusat pepereksaan [di-] Bandar Seri Begawan d[an] sa-buah di-Kuala Belait.

Sementara itu, sa-ra[mai] 296 orang chalun lagi te[lah] gagal dalam satu ma[ta] pelajaran yang tertentu [dan] mereka ini di-kehend[aki] mengambil semula ma[ta] pelajaran yang mereka [ga]gal itu dalam pepereks[aan] yang akan datang.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 7HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE

5.30 SPREAD YOUR WINGS

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 KIDNAPPED

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 BEWITCHED — "Samantha's Caesar Salad" Samantha meminta Caesar Salad — dan sekaligus mendapat Julius.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "It's A Wise Surgeon" Bahagian pertama.

7.43 AZAN ISHA

7.47 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 PARIS — Captain Woodrew Paris ada-lah ketua Jabatan Pulis Los Angeles yang khas di-tugaskan untok menjalankan penyiasatan2 yang paling sulit dan sukar sekali.

9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "Kotch"

11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 8HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 A PLACE TO LIVE

5.15 UNDER THE SAME SUN

5.35 SPIDERMAN — "The Golden Rhino"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SALVAGE

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 CENTENNIAL — "The Crime" — Bahagian kedua.

7.43 AZAN ISHA

7.47 CENTENNIAL — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 HIDAYAT

9.00 DUNIA MINGGU INI

9.30 DOCUMENTARY: "Death Is Afraid Of Us"

10.25 GARRISON'S GORILLAS — "Time Bomb" Satu komponen bom yang chuba dichuri oleh The Gorillas di-lindongi oleh sa-biji bom berwaktu.

11.15 PERLAWANAN GUSTI

12.05 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 9HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 BAD NEWS BEARS

5.00 STAR MAIDENS — "Nightmare Cannon" Adam dan Sham menawan sa-buah istana dan mengalahkan pengawal pintu. Octavia dan Fulvia menjadikan Orang2 Bumi sa-bagai orang gajian dan menuntut agar di-kembalikan orang2 pelarian. Oleh kerana terkechewa, mereka mengambil pembantu2 Professor Evan, Liz dan Rudi sa-bagai orang2 tebusan dan melarikan mereka ka-Mendusa.

5.30 THE MUPPETS

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 CASPER AND THE ANGELS

6.26 DICK TURPIN

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TELEMATCH

7.43 AZAN ISHA

7.47 TELEMATCH — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 GAMBUS

9.00 BENSON

9.30 QUINCY — "The Death Challenge" Satu persembahan silap mata di-dasar lautan oleh sa-orang ahli silap mata yang terkenal di-dunia yang di-tayangkan di-talivishen menjadi perselindongan kapada satu pembunohan.

10.20 ROAD TO WEMBLEY Arsenal lwn Liverpool.

11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 10HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 SESAME STREET

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SCOOBY DOO

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 DENDANG PERANTAU DARI SABAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 DALLAS

7.43 AZAN ISHA

7.47 DALLAS — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 PETULA CLARK AT THE NEW LONDON THEATRE

9.50 SIARAN SA-CHARA LANGSONG MELALUI SATELLITE PERLAWANAN ENGLISH F.A. CUP FINAL.

11.50 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 11HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — Siri yang terbaru ini mengikuti pengembaraan2 keluarga Ingalls dalam tahun 1870an, di-mana dua orang watak baru akan di-perkenalkan. Dean Butler sa-bagai Almazo Wilder, dan Lucy Lee Flippin sa-bagai kakak Wilder, Eliza Jane.

5.30 READING WITH LENNY

5.45 HANDFUL OF SONGS



**DOCTOR, DOCTOR — Gregory Harrison (kiri) dan Pernell Roberts sa-bagai pakar2 bedah yang berbakat dalam siri "Trapper John, M.D." yang di-tayangkan pada malam ini jam 7.15.**

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 YOGI'S SPACE RACE

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 DON'T ASK ME

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Blind Rage" Satu kemalangan di-steshen penyelidekan kimia menyebabkan Dr David Banner bergegas menchari satu antidote untok menyelamatkan nyawa-nya dan rakan-nya.

7.43 AZAN ISHA

7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 JUST FRIENDS — "The Dear Hunter"

9.00 PERADUAN NYANYIAN AMATUR ASIA

9.50 PEARL

11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 12HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 HERE COMES MUMFIE

5.15 CRICKET IN TIME SQUARE

5.30 BIG BLUE MARBLE

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Great Burro Race" Grizzly menolong Mad Jack untok mendapatkan keldai-nya balek dari saorang musoh lama.

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 CHARLIE'S ANGELS

7.43 AZAN ISHA

7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 EISCHIED

9.40 ROAD TO MOSCOW

10.30 LOU GRANT — "Marathon"

11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 13HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 SKY — Ep. 6 Goodchild maseh lagi dengan chubaan2-nya untok menghalau pengachau Sky dan telah menchipta sa-buah rumah misteri untok menangkap-nya dan Jane serta Arbie.

5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Museum of Mystery" Princess kehilangan kasut-nya yang mempunyai kuasa tersembunyi yang dapat menyerupai diri-nya. Zoltar menemui selipar itu dan bertembong dengan kuasa2-nya.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SHIRLEY

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SHIRLEY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 STONE

7.43 AZAN ISHA

7.47 STONE — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 ARENA SOKAN

9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Bite The Bullet"

11.45 SIARAN TAMAT.

# "Little House on the Prairie" siri terbaharu



MULAI Ahad ini, RTB akan menayangkan semula siri Little House On The Prairie yang di-sukai ramai. Dalam siri terbaharu ini Awda penunton akan dapat mengikuti pengembaraan2 keluarga Ingalls dalam tahun 1870an, di-mana dua orang watak baru akan di-perkenalkan. Dean Butler (gambar kiri), berlakun sa-bagai Almanzo Wilder, sa-orang rakan yang di-sukai oleh Laura Ingalls dan Lucy Lee Flipper, sa-bagai kakak-nya Eliza Jane, sa-orang guru sekolah.

## Dokumentri: Death is Afraid of Us

DI-DAERAH Georgia di-Soviet kaum lelaki dan wanita yang berusia 100 tahun ka-atas maseh bekerja di-hutan2 dan menjalani hidup lebeh lama—dan dengan keadaan yang lebeh sehat.

Mengapa-kah terjadi demikian telah menjadi tajok pengkajian para ahli2 gerontoloji — pakar2 dalam proses2 ketuaan — di-Soviet Union dan di-mana2 sahaja di-dunia ini. Dengan penoh kerjasama pehak2 yang berkuasa Soviet, Granada Television of England telah menerbitkan filem ini mengenai Georgia dan pendudok2-nya.

Di-filemkan di-beberapa buah tempat di-negeri yang paling indah di-Russia, ia-nya memperlihatkan penghidupan di-kampong2 dan pendudok2 berusia lingkongan sa-ratus tahun dan hampir2 sa-ratus tahun di-kawasan ini.

Doktor2 dan penyelidek2 perubatan ada-lah di-tugaskan untok membuat pengajian2 yang intensif mengenai orang2 tua di-Georgia, kebanyakan mereka menghadhiri makmal2 penyelidekan sa-chara tetap. Penyelidekan tentang mengapa-kah terdapat lebeh banyak orang2 tua di-Georgia dari mana2 tempat lain di-dunia maseh lagi belum menghasilkan jawapan2-nya. Sa-orang pakar British yang terkemuka di-bidang ketuaan, Dr Alex Comfort menyatakan dalam ranchangan ini bahawa kesukaran terletak sa-bahagian-nya pada kenyataan di-mana sa-orang lelaki atau wanita yang berusia lebeh 100 tahun sa-chara fizikal tidak-lah beza-nya dengan mereka yang berusia 80 tahun ka-atas. Di-antara sebab2 panjang-nya umor orang2 Georgia ini, ia mengatakan mungkin di-sebabkan oleh penghidupan di-luar yang menyehatkan dan juga atas sebab2 keturunan.

Sa-orang wanita yang maseh bekerja sa-tiap hari—dan kuat menghisap rokok—mengaku yang ia berusia 140 tahun. Sa-orang lagi pula di-filemkan sedang memburu di-hutan2—dengan sa-buah musket (sa-jenis senapang lama) yang di-warisi-nya dari keluarga-nya sejak abad ke-18.



intisari
RTB
minggu ini

# "KOTCH" tayangan gambar TV malam ini

PADA malam ini, jam 9.40 malam Awda penunton akan dapat menyaksikan tayangan gambar TV yang bertajok "KOTCH" Filem ini mengesahkan Joseph Kotcher (Walter Matthau), sa-orang duda yang berusia 72 tahun yang merasa diri-nya tidak berguna lagi. Kotch tinggal bersama anak lelaki-nya, Gerald (Charles Aidman), dan anak menantu-nya, Wilma (Felicia Farr).

Oleh kerana tidak mempercayai Kotch untok menjaga anak-nya yang berusia sa-tahun itu, Wilma mengambil sa-orang gadis Erica (Deborah Winters) untok menjaga anaknya. Kotch menghalau Erica apabila ia mendapatinya bersama teman lelakinya di-rumah itu.

Kotch merasa amat bersedeh bila di-beritahu bahawa ia di-minta untok tinggal di-perkampongan persaraan, lalu membuat persediaan-nya.

Oleh kerana ia merasa bersalah, ia menemui Erica yang memberitahu bahawa ia sedang mengandong. Erica memberi kad selamat tinggal pada Kotch yang tidak dapat di-terima-nya. Ia berusaha menchari Erica, sa-telah itu ia mempelawa Erica untok tinggal bersama-nya hingga-lah anak itu di-lahirkan.

Erica memberitahu Kotch bahawa ia akan memberi anak-nya itu pada satu keluarga yang kaya, The Bullingers. Apabila Kotch terkena penyakit champak Erica berpindah ka-kabin yang di-mileki oleh The Bullingers. Kotch menchari-nya dan apabila ia sakit perut, ia membawanya ka-hospital, tetapi tidak sempat. Ia pun menolong Erica tatkala melahirkan anak. Erica kini berubah hati dan berchadang untok menjaga anak itu sendiri. Ia pun menuju ka-Los Angeles, dan Kotch pula bersedia untok menghadapi masa depan-nya.



SA-TELAH menghadapi kegagalan dalam perkahwinan, Susan Huges (Stockard Channing) memulakan penghidupan baru-nya dan bekerja di-Beverly Hills Health Spa yang di-mileki oleh Milt D'Angels (Lou Criscuolo) saperti kelihatan dalam gambar atas.

Adigan ini akan dapat Awda saksikan dalam siri komidi sa-tengah jam 'Just Friends'. Episod minggu ini bertajok "The Dear Hunter".

WALTER Matthau dalam salah satu adigan dalam tayangan gambar TV pada malam ini jam 9.40 malam.





## "Paris" — siri drama Pulis

JAMES Earl Jones (kiri) sa-bagai pelakun utama dalam siri 'Paris', sa-buah drama satu jam yang mengesahkan tentang sa-orang kaptan Pulis yang bersikap tegas dan tekun dalam menegakkan keadilan.

Siri ini akan di-mulakan pada malam ini jam 8.50 bagi menggantikan siri The Professionals.



PERADUAN Nyanyian Bintang Kechil Radio perengkat Daerah Belait telah berlangsong pada hari Sabtu, 26hb April 1980 yang lalu.

Dari sa-ramai 15 orang peserta, hanya lapan orang peserta saja melayakkan diri untok memasoki ka-peraduan separoh akhir yang akan diadakan pertengahan bulan Jun depan. Peserta2 yang terpileh dari Daerah Belait ia-lah :

Md Alfred Ariffin, Norashikin Ramli, Norisnan Mejenis, Surianti Julaihi, Ak Shahminan Pg Md Ali, Hartinah Ramli, Ak Yunos Pg Damit dan Dk Noralam Pg Kahar.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait, Awang Md Shah bin Haji Ahmad (gambar atas).

# Peserta2 ka-Perengkat Separoh Akhir



Md Alfred Ariffin



Norashikin Ramli



Norisnan Mejenis



Surianti Julaihi



Ak Shahminan Pg Md Ali



Hartinah Ramli



Ak Yunos Pg Damit



Dk Noralam Pg Kahar.

## wazah Brunei



ıdangan dalam ranchangan Siswazah ni ia-lah Awang Hepnie bin Haji Abu ar atas).

nie lulus dari Universiti Singapura da- dengan mendapat ijazah Sarjana Muda rt dan Sosial Sains. Beliau sekarang bat Tanah sa-bagai Pemangku Pegawai Kuala Belait.

amah dengan beliau pada hari Ahad 1.00 pagi dan akan di-ulang siaran-nya jam 7.30 malam.

# RANCHANGAN TVP DARI 12HB HINGGA 17HB MEI

## ISNIN — 12HB MEI

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Timbul dan Tenggelam 2'

Dalam ranchangan ini Che'gu Amdan akan menunjokkan guna udara untok menolong benda-benda untok timbul. Sa-tiap benda yang di-masokan kadalam ayer, di-dapati ayer mempunyai tenaga menolak benda itu ka-atas. Jika daya tolakan itu lebeh kuat dari berat benda, benda itu akan timbul.

Untok lebeh jelas lagi ikuti-lah ranchangan ini.



**BILA kamu membuat perchubaan ini, kamu akan mendapati ayer mempunyai tenaga untok menolak bola itu ka-atas.**

10.30 KAP KAP UDANG 81
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti: RUANGAN BERLAKUN, KERJA TANGAN, SIMANIS, BOLA TUMBOK, dan HALAMAN BERCHERITA.

Dalam ruangan kerja tangan, Che'gu Sa'diah akan menunjokkan kanak2 chara membuat bunga kota daripada kertas dan di-ruangan halaman bercherita Che'gu Sa'diah akan bercherita tentang kesah sa-ekor lembu yang tidak tahu apa yang hendak di-makan-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 81

## SELASA — 13HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Timbul dan Tenggelam 2'

10.30 KAP KAP UDANG 82
BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA 'LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN, ada-lah aktiviti2 yang akan dapat di-ikuti dalam ruangan ini.

Che'gu Sa'diah akan melihatkan enam keping gambar kapada kanak2 dan mereka di-kehendaki meneka gambar2 yang di-pinda dan di-sembunyikan oleh Che'gu Sa'diah.

Di-halaman bercherita Che'gu Sa'diah akan mencheritakan sa-buah buku bertajok 'bunga'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 82

## RABU — 14HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Timbul dan Tenggelam 2'

10.30 KAP KAP UDANG 83
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, dan HALAMAN BERCHERITA di-dalam ranchangan kali ini.

Di-ruangan tunjok benda, kanak2 akan menunjokkan kapada Che'gu Sa'diah barang2 yang mereka bawa pada hari ini. Che'gu Sa'diah pula akan bercherita tentang kesah kebun bunga Aminah di-halaman bercherita.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 83

## KHAMIS — 15HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Timbul dan Tenggelam 2'

10.30 KAP KAP UDANG 84
Ranchangan kali ini akan di-isikan dengan ruangan BERMAIN MUSIK, GAMBAR DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, dan KAJIAN SA-MULA JADI.

Che'gu Sa'diah akan melihatkan dan mencheritakan gambar2 dan lukisan2 yang di-kirimkan oleh kanak2 kapadanya dan menyebutkan nama2 pengirimnya sekali di-dalam ruangan gambar dari rumah.

Di-ruangan Kajian Sa-Mula Jadi pula Che'gu Sa'diah akan menunjokkan serta menerangkan kapada kanak2 bahagian2 pokok.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 84

## SABTU — 17HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 85
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti: IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, BERMAIN KERUSI, dan HALAMAN BERCHERITA.

YANG MANA GANJIL — Che'gu Sa'diah akan melihatkan lima keping gambar di-dalam satu barisan dan mereka di-kehendaki meneka gambar yang ganjil di-dalam kumpolan tersebut.

Di-halaman bercherita pula Che'gu Sa'diah akan bercherita kapada kanak2 tentang kesah sa-ekor lembu dengan ketam.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 85.

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 —Bengkel Radio (SU); 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer—Azan Dzohor; 12.45 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untok Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandong Asli; 6.00—Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. MALAM : 7.00—Seiring Jalan; 7.30—Siswazah Brunei (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Salam Mesra (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 —Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 —Rampaian London; 8.15—Hiboran; 8.30 —Melody Adek Ku (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selingan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Sinar Chahaya. T/HARI : 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 —Menjelang Rehat. PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Koran; 6.15—Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00—Permainan Gambus; 7.30—Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20—Doa Restu, 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 —Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 8.45—Selingan Irama; 9.00 —Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan Di-Udara; 10.30 —Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30—Keluarga Jaya. T/HARI : 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15—Qasidah; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30—Ruangan Kitani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa Pendapat Awda; 3.30—Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00—Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30—Chitrawara (SU); 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00—Cherpen dan Salokan; 7.30—Gurindam Lagu (SU); 8.00 —Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00—Permintaan Sukaramai; 9.30—Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30—Apa Pendapat Awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Waria Peristiwa (SU); 10.30—Sa-Iring Jalan (SU); 11.00—Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30—Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00—Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30—Lagu dan Senikata (SU); 3.00—Hiboran Pilehan; 3.30—Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00—Chitra Irama; 4.30 —Tunas Pendidek; 5.00—Dunia Minggu Ini; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Senandong Lagu2 Lama; 6.00—Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00—Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30—Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Purbawara (Diang Dangan); 9.00—Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30—Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45—Senandong Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 —Dunia Wanita; 8.30—Pesta Pop; 9.00—Taman Mekar; 9.30—Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. T/HARI : 12.00—Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 —Hiboran Rampaian; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45—Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00—Pulis Diraja; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 —Sokan dan Olahraga; 4.15—Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45—Pilehan Juruhebah; 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Gurindam Jiwa; 9.00—Bengkel Radio; 9.30 —Permintaan Sukaramai; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 —Suara Poli Diraja (SU); 9.00—Rampai Sari Hiboran; 9.30—Antarabangsa (Du[...] Ann); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Beri[...]ta; 10.15—Berdendang Dengan Ku; 10.30—Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.3[...] —Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI : 12.00—Komintar Radio; 12.15—Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30—Rampaian Tengah Hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Sukaramai; PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Keluarga Si-Awang; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandong Lagu2 Lama; 6.00—Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00—Penyanyi Harapan; 7.30—Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.0[...] —Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Chitra Irama; 9.00—Pertanian dan Perikanan; 9.30—Dendang Muzik Melayu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selama[...]kan Sultan dan Negara; 6.0[...] —Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tan[...] Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.[...] —Suara Parajurit (SU); 9.00—Perminta[...] Untok Wanita; 10.00—Tanda Waktu da[...] Warta Berita; 10.15—Rampaian London[...] 10.30—Melody Adek-ku; 11.00—Hibora[...] 11.30—Salam Mesra. T/HARI : 12.00—Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tamu Minggu ini; 1.30—Ku sampaik[...] Salam. PETANG : 2.00—Siaran Melayu [...]tamatkan. 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran Petang; 6.00—Mukkaddam, Bi[...]kisan Hari Ini, Menunaikan Sembahya[...] Maghrib. MALAM : 7.00—Ruangan Ke[...] (SU); 7.30—Album Penyanyi (SU), Az[...] Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Pencharag[...] (SU); 9.00—Dunia Wanita (SU); 9.30 Keluarga Jaya (SU); 10.00—Tanda Wa[...] dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hiday[...] Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10[...] —Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



AWANG Ahad bin Odar, No. 18, Kampong Madang, Jalan Berakas, Brunei akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ranchangan "Apa Pilehan Awda" minggu ini.

Para peminat ranchangan ini akan dapat berhibor dengan lagu2 pilehan Awang Ahad yang akan ka-udara pada hari Ahad, 11hb Mei jam 9.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Lunch Music. NOON : 12.00 —Hits In Germany. PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement—Shape of Future; 8.15—Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45—Dateline; 9.15—News; 9.30—It's All Yours by Ideris Ali; 10.00—Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.5G — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON : 12.30—News; 12.45—Music From the Movies with Viviyanti Ali, Norman Candler and His Magic Strings (Side 1); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Sixty Minutes Theatre: "Lost Your Tongue" by Peter Terson; 9.00—Dancing String; 9.15 —News; 9.30—Vibrates In The Memory by David Temple; 10.00—Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—The Boy from Blacking Factory by Tom Vernon; 11.45—Light Music from the Netherlands. NOON : Radioscope by Charan Chand. PM : 12.30—News; 12.45 —A Hundred Years of Dance Music; 1.15—They All Laughed—Prog: 2: "The Steam Coach"; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—From School to School (repeat): 8.30—Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00—Ray Coniff and the Singers; 9.15—News; 9.30—The Pickwick Papers; 10.00—Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Sweet and Stylish; 11.30—International Call. NOON : 12.00—Many A Slip. PM : 12.30—News; 12.45—Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15.—BBC World Report; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Practical World; 8.15—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00—Book Club: Turtle Dairy by Russell Hoban; 9.15—News; 9.30 —Top of The Pops; 10.00—Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30—Top of the Pops (repeat). NOON : 12.00 Women's World by Charan Chand. PM: 12.30—News; 12.45—Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30—Perspective; 8.45—The Young Sound by Ta[...] Ahmad; 9.15—News; 9.30—Sunday Nig[...] Special with Ideris Ali; 10.00—Close Dow[...]

## MONDAY

AM : 6.58 — Open[...] Announcement; 7.00 [...] World News (BBC[...] Relay); 7.10—Local News; 7.15—Mus[...] Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS [...]lay); 8.30—Close Down. 11.00—Open[...] Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 [...] Music-Go-Round. NOON : 12.00—I am So[...] I'll read that again. PM : 12.30—News; 12[...] — Science Potpourri produced by Char[...] Chand; 1.15—Travellogue by Jaafar Yaak[...] 1.30—Close Down. 8.00—Opening A[...]nouncement — The Bee Gees Story — P[...] 3(b) "You should be Dancing Side 2 of 2 [...]peat); 8.45—Monday's Night Mail by Veron[...] Shim; 9.15—News; 9.30—The World [...] Books; 10.00—Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Open[...] Announcement; 7.00 [...] World News (BBC[...] Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musi[...] Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS [...]lay); 8.30—Close Down. 11.00—Open[...] Announcement—BBC Sports Magazine; 11[...] —Housewives' Special; 11.45—Just A Min[...] NOON : 12.15—Shape of the Future by V[...]yanti Ali. PM : 12.30—News; 12.45—Str[...] Instrumental; 1.00—The Bee Gees Story P[...] 4 (a) "The Gee Fever" Side 1 of 2; [...] —Close Down. 8.00—Opening Announcem[...] —Stereo Pop Special "Lindisfarne" S[...] 1; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00 [...] Your World; 9.15—News; 9.30—Ani[...] Vegetable or Mineral (repeat); 10.00—C[...] Down.

# POST PULIS KAMPONG PUTAT DI-BUKA RASMI

KAMPONG PUTAT. — Penolong Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong menegaskan bahawa kerajaan Kebawah DYMM sentiasa berusaha untok mendirikan dan mengadakan Post2 Pulis terutama sekali di-daerah2 pendalaman di-negeri ini.

Kata-nya, ada-lah menjadi tujuan utama kerajaan untok sentiasa mengambil berat tentang keamanan, keselamatan dan kesejahteraan raayat dan pendudok2 di-Negeri Brunei Darussalam ini dengan mendirikan Post2 Pulis.

Ini tambah Yang Amat Mulia itu termasok-lah usaha2 yang sedang dan telah di-usahakan oleh kerajaan, melalui Pasokan Pulis Diraja Brunei ia-itu pembenaan Post2 Pulis di-Kampong Bebuloh dan Lumapas di-Daerah Brunei dan Muara.

Kita sedia maalom bahawa Negeri Brunei pada keselurohan-nya sudah terkenal sa-bagai sa-buah negara yang sentiasa aman, damai dan sejahtera jika di-bandingkan dengan negara2 jiran. Maka oleh sebab itu kerajaan sentiasa berusaha untok mendirikan dan menubohkan Post2 Pulis pada mengekalkan keadaan tersebut bagi keamanan pendudok negeri ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar menegaskan demikian ketika bersabda merasmikan pembukaan Post Pulis Kampong Putat yang telah di-adakan di-sini pada hari Khamis yang lepas.

Menyentoh mengenai dengan Post Pulis Kampong Putat pula, Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa tujuan di-adakan Post tersebut ia-lah bagi menjaga keamanan dan keselamatan pendudok2 kampong di-sana dan sekitar-nya.

Di-samping itu jelas-nya lagi ia-nya bertujuan untok memberikan kesempatan kapada pendudok2 kampong supaya akan dapat berhubong dengan pehak pulis dan membuat aduan2 dan masaalah yang berbangkit • mengenai dengan keharmonian dan kesejahteraan serta ketenteraman pendudok2 kampong tersebut.

Yang Amat Mulia berharap kapada pendudok2 Kampong Putat supaya dengan terdiri-nya Post Pulis tersebut ia-nya akan dapat lagi mengeratkan lagi perhubongan pendudok2 kampong dengan pehak2 pulis dalam menyelesaikan satu2 masaalah yang berlaku di-kampong tersebut dan sekitar-nya.

"Walau bagaimana pun besar, kuat, bijak dan pandai-nya Pasokan Pulis itu tetapi jika tidak mendapat kerjasama yang erat dari orang ramai dan pendudok negeri ini neschaya pehak Pulis tidak akan dapat menyelesaikan satu2 perkara atau kesulitan2 yang berlaku", sabda Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara.

Sa-telah selesai upachara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar kemudian-nya telah menanam sa-pohon kelapa bagi memeringati perasmian post tersebut.

Post Pulis Kampong Putat yang di-rasmikan pada hari itu menelan belanja di-antara 40-50 ribu ringgit dan ia-nya di-lengkapkan dengan alat2 perhubongan saperti radio dan mempunyai tiga buah bilek tempat tidor dan sa-buah bilek tempat beristirehat.

Hadhir sama di-upachara itu termasok-lah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Pemerentah Pasokan Pulis Daerah Brunei dan Muara, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Besar, Penghulu Mukim Kasat, Awang Haji Karim bin Othman, pegawai2 kanan pasokan Pulis, ketua2 kampong serta pendudok2 kampong Putat dan sekitar-nya.



Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar menanam pokok kelapa sa-bagai memperingati pembukaan rasmi Post Pulis Putat (gambar bawah).




## Angka tunjok harga barang2 pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna berdasarkan tahun Asas 1977 (100 mata) ia-lah 116.0 mata bagi bulan Mach 1980 berbanding dengan 115.7 bagi bulan Februari yang lalu. Angka tunjok bagi bulan yang sama tahun lalu ia-lah 110.9. Angka tunjok bulan Mach itu menunjokkan pertambahan 4.6 peratus daripada tahun lepas dan hanya 0.3 peratus dari bulan lalu.

Berlaku-nya kenaikan ini ada-lah terutama-nya di-sebabkan oleh kenaikan bahan makanan dan pengangkutan dan perhubongan. Angka tunjok makanan meningkat dari 117.3 mata kapada 117.5 di-sebabkan kenaikan harga tepong gandum, daging lembu beku, daging babi, kari ayam, beberapa jenis ikan, buahbuahan dan sayor-sayoran mentah, gula persegi, agar2 buah dan sos kachang soya.

Kenaikan bayaran 'servicing' dan barang2 minyak jentera telah menaikan angka tunjok pengangkutan dan perhubongan dari 114.6 mata kapada 115.8.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 1hb Mei, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
2. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
3. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan,
4. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 kati (Singapura) $29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) A. M. Mohammad Ali Maricar,
   No. 87, Jalan Chevalier.
   b) Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.
   c) Chop Hiap Kee,
   No. 1, Sultan Lama.
5. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier,

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
2. LADA KERING — $3.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
3. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kunnig.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
4. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 kati (Singapura) $30.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
   No. 30, Jalan Sultan Dmar Ali.
   b) Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
5. SAGO HALUS — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Foo Hap Shing,
   No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 7hb hingga 13hb Mei 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 7.5.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 7.5.1980 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 7.5.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 10.5.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 10.5.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 10.5.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 12.5.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 12.5.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 13.5.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 13.5.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

## Pegawai2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Pasokan AMDB menghantar beberapa pegawai dan anggota pasokan-nya ka-seberang laut untok mengikuti beberapa kursus kemahiran tentera di-United Kingdom dan Singapura.

L/Kopral Hassan bin Mohin dari Markas Pasokan dan perajurit Yusof bin Salim dari Pusat Latehan telah menjalani kursus Asas Penggambaran di-Singapura sejak 14hb April lepas dan akan berakhir pada 24hb Mei ini.

Berkursus dalam pemasangan senjata kelas II, L/Kopral Metassan bin Othman dari Bengkel Pasokan akan bertolak ka-Singapura untok mengikuti kursus itu mulai 12hb Mei hingga 17hb Jun.

Sementara itu S/Serjan Saidi bin Osman pula dari Chawangan Udara akan berada di-UK untok mengikuti dua jenis kursus. Kursus pertama, Ground Instructor Technic akan berjalan 11 hari mulai 12hb Mei dan kursus 240 OCU. RAF Odiham pula pada 28hb Mei hingga 6hb Jun. Kursus2 tersebut akan di-jalankan di-RAF Newton Nottingham dan RAF Odiham Hampshire.

Lt. Mohd Said bin Haji Saidin dari Skuadron Kereta Perisai telah mengikuti kursus Troop Leader mulai 24hb April dan akan berakhir 1hb Ogos depan di-Bovington Camp, Dosert, UK.

Juga berkursus di-UK ia-lah Lt Ak Mohammad bin Pg Haji Mohidi dari Batalion Kedua bagi kursus Platoon Commander sa-lama dua bulan sa-tengah di-Sekolah Angkatan Darat, Warminister, Wilts.

Dan Kaptan Abd Jalil bin Haji Ahmad dari Flotilla pula akan mengikuti kursus International Navigation sa-lama dua bulan sa-tengah di-HMS Mercury, Hampshire.



PENGIRAN Suhailee bin Pg Talip (kanan) dan Awang Morsilin bin Baik telah di-pileh sa-bagai chalun Ketua Kampong Lubok Pulau, Daerah Tutong bagi menggantikan Awang Mahari bin O.K. Jait yang akan bersara.

Kedua2 orang chalun itu telah di-pileh dalam satu pemilehan yang telah di-adakan di-Balai Raya kampong tersebut pada 1hb Mei yang lalu.

Nama2 kedua2 orang chalun itu akan di-kemukakan kapada Kerajaan untok di-pertimbangkan.



PASOKAN Mukim Serasa bergambar ramai dengan hadiah2 kemenangan mereka sa-telah berjaya menyandang johan bolasepak antara mukim2.

# MUKIM SERASA JOHAN B-SEPAK ANTARA MUKIM2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mukim Serasa telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan bolasepak antara mukim2 Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Padang Besar di-ibu negeri pada 28hb April yang baru lalu.

Dalam pertandingan akhir itu Pasokan Mukim Serasa telah menewaskan Pasokan Mukim Berakas dengan tiga gol berbalas dua. Gol2 pasokan Serasa telah di-jaringkan dalam separoh masa pertama.

Pasokan Mukim Berakas walaupun ketinggalan tiga kosong dalam separoh masa pertama tetapi dalam separoh masa kedua telah dapat menyumbatkan dua gol. Dan sa-hingga wisel penamat di-bunyikan pemain2 mukim Berakas gagal untok menyamakan kedudokan yang mana keputusan berkesudahan 3—2.

Perlawanan bolasepak antara Mukim2 itu di-anjorkan bagi memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah kali yang ke-33 tahun ia-itu bagi tahun 1979.

Hadiah2 kapada pasokan yang mengambil bahagian telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.



PENGHULU Mukim Serasa, Awang Haji Ali bin Ahmad kelihatan menerima Oskar kejohanan yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah.

## MPSHB dan PTE wakili Daerah Brunei dan Muara

BERAKAS. — Perlawanan akhir hoki wanita bagi Sekolah2 menengah atas Daerah Brunei dan Muara telah di-langsongkan di-Padang Perkhemahan Bolkiah di-sini pada hari Rabu yang baru lalu.

Dalam perlawanan akhir itu Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah telah berjaya menjadi johan satelah menewaskan Pusat Tingkatan Enam dengan tiga gol berbalas satu.

Walau bagaimanapun kedua2 pasokan tersebut telah melayakkan diri dan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam perlawanan akhir hoki wanita antara sekolah2 menengah dan maktab sa-negeri yang akan di-adakan dalam bulan Jun depan.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Pendidekan Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran Brunei.



GAMBAR2 atas dan bawah memperlihatkan aksi pemain2 hoki kedua2 buah pasokan dalam perlawanan akhir hoki perengkat daerah antara PTE dengan MPSHB di-Perkhemahan Bolkiah



## Brunei tewas 3 — 1

KUALA BELAIT. — Brunei telah tewas di-tangan Angkatan Tentera dalam perlawanan siri Piala Malaysia yang telah berlangsong di-Padang KBRC disini pada hari Sabtu lepas dengan jaringan 3-1.

Pada petang semalam Brunei menemui Perlis di-Padang Besear Bandar Seri Begawan. Dan pada 17hb Mei ini Brunei akan bertemu Singapura di-Stadium Negara.

## Sokan Tahunan Bomba kali pertama

KUALA BELAIT. — Bahagian Badan Kebajikan dan Sokan Balai Bomba, Seria telah mengadakan temasha sokan-nya bertempat di-Padang Arena Sokan Seria pada hari Sabtu 19hb April lalu.

Dua achara permainan sokan telah di-pertandingkan ia-itu Kejohanan Bolasepak tujoh orang sa-pasokan dan Sepak Takraw. Empat buah pasokan yang mewakili balai2 Bomba Seria, Kuala Belait dan Tutong telah mengambil bahagian dalam dua pertandingan itu.

Ini ia-lah kali pertama badan ini menganjorkan sokan tersebut sejak ia-nya di-tubohkan pada tahun lepas dan seterus-nya akan di-jadikan sa-bagai projek tahunan bagi badan berkenaan.

Di-samping merebut Oskar kejohanan untok Pasokan terbaik dalam kedua2 pertandingan itu, Pegawai Bahagian B, Awg Hussien bin Haji Hassan juga telah menyumbangkan oskar bagi pasokan yang akan menjadi johan dan naib johan dalam kedua2 achara yang di-pertandingkan itu.

## Temasha Sokan Sekolah2 Rendah Kawasan Brunei III

BERAKAS. — Temasha Sokan dan Olahraga bagi Sekolah2 Rendah Melayu, Bahagian Brunei III akan di-langsongkan pada hari Selasa 20hb Mei bertempat di-Padang Sekolah Melayu Delima Satu, Jalan Muara di-sini mulai jam 8.00 pagi.

Awang Abdul Hamid bin Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat Pelajaran akan merasmikan temasha yang di-adakan sa-hari suntok itu.

Temasha Sokan itu di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran sa-bagai projek tahunan bagi jabatan itu.

BELIA DAN SOKAN

## S.M. Bebuloh johan b-sepak Sekolah2 Rendah Sa-negeri

SENGKURONG. — Sekolah Melayu Bebuloh dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan bolasepak perengkat akhir di-antara sekolah2 rendah sanegeri sa-telah menewaskan Sekolah Melayu Layong dengan dua jaringan gol berbalas satu.

Perlawanan akhir itu telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong pada 20hb April yang lalu.

Lebeh daripada dua puloh buah sekolah2 rendah di-seluroh negeri Brunei telah mengambil bahagian dalam perlawanan2 awal yang telah di-mulakan sejak awal bulan Februari lalu.

Perlawanan yang merupakan salah satu projek tahunan Jabatan Pelajaran untok penuntut2 di-sekolah rendah di-negeri ini di-anjorkan dan di-kelolakan oleh Bahagian Pendidekan Latehan Jasmani.

Hadiah2 kapada pasokan2 yang menang dan piala pusingan telah di-sampaikan oleh Pegawai Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Puasa bin Tudin.

## Bolasepak 7 sa-pasokan

KATI MASAR.—Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yusof (AHMY), Kati Mahar di-Brunei II akan menganjorkan satu perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan yang terbuka kapada pertubohan2 belia, persatuan2, kelab2, kampong2 dan pejabat2.

Kawasan2 mukim2 Lambak, Kilanas, Pengkalan Batu, Gadong, Sinaut, Lamunin, Sengkurong dan pejabat2 di-sekitar mukim2 tersebut serta kampong2 saperti Kampong Sultan Lama, Sungai Kedayan, Bukit Salat, Sumbiling Lama dan Baru, ada -lah di-pelawa menyertai anjoran tersebut.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Che'gu Saidin bin Alim, Sekolah Melayu Kati Mahar; Awang Kassim bin Talip, Jabatan Kenderaan Darat; Awang Serudin bin Burut, SM Pusar Ulak; Che'gu Tudin bin Ahad, Sekolah Sains Jalan Muara dan Che'gu Adi bin Kahar, Sekolah Melayu Kati Mahar.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 tersebut tidak lewat dari 22hb Mei, 1980.

## Seminar mengenai pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seminar kali ketiga bagi pegawai2 kanan Kerajaan akan di-adakan sa-lama empat hari mulai 12hb Mei ini. Seminar mengenai pengurusan Kerajaan itu akan di-adakan di-Pusat Latehan Jabatan Perjawatan dan akan di-hadhiri oleh 16 orang pegawai2 kanan Kerajaan.

Seminar ini akan mengandongi prinsip2 analisa masaalah, membuat keputusan dan analisa masaalah yang mungkin berlaku berasaskan konsep yang dichiptakan oleh Dr Charles Kepner dan Ben Tregoe, kedua2-nya pernah menjadi pegawai2 di-R.A.N.D Corporation di-Amerika Sharikat. Awg Larry Wallace, Ketua Jabatan Latehan Sharikat Minyak Shell akan mengetuai seminar tersebut.

Tujuan atau objektif seminar itu ia-lah untok menolong peserta2 seminar bagi menggunakan teknik2 di-dalam mengenali masaalah dan juga untok memberi rangka keutamaan yang tertentu di-dalam menyelenggarakan maalumat2 yang di-dapati serta untok membuat tujuan2 atau pun objektif2 yang terang.

Seminar yang sama telah di-adakan dalam bulan Nobember tahun 1978 dan dalam bulan Disember tahun lalu.

## Peraduan Nashid sambutan Isra' dan Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan pasokan Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei, kedua2-nya dari Daerah Tutong; pasokan Kelas Dewasa Kor'an SMM Sultan Hassan dan Persatuan Pertiwi Daerah Temburong akan mewakili daerah masing2 dalam pertandingan nashid separoh akhir yang akan berlangsong di-sini.

Pasokan2 itu ada-lah johan dan naib-johan dalam peraduan perengkat daerah yang telah di-adakan pada minggu lalu.

Peraduan Nashid tersebut dianjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bersempena Sambutan Isra' Me'raj.

## Hari Bendera Palang Merah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Palang Merah Daerah Brunei-Muara akan mengadakan Hari Bendera pada hari ini dan esok.

Hari Bendera itu merupakan projek tahunan persatuan Palang Merah Daerah Brunei dan Muara.

Juruchakap persatuan itu meminta orang ramai agar dapat memberikan kerjasama dengan menghulorkan derma kapada ahli2 palang merah yang membuat penjualan untok tujuan yang berkebajikan itu.



## Tangkapan dari bahan2 letupan haram di-jual

IKAN2 dalam gambar ini ia-lah sa-bahagian dari jumlah 17 pikul jenis ikan bebatek dan bekalang biawak yang di-jadualkan untok di-jual kapada orang ramai pada petang hari Khamis, 29hb April yang baru lalu oleh tuan punya di-Pasar Ikan Bandar Seri Begawan. Bagaimana pun kerana memandangkan jumlah tangkapan yang begitu banyak di-datangkan dari tangkapan luar negeri ianya telah menimbulkan kemushkilan pehak ramai dan beberapa ekor dari-nya telah di-bawa kapada pehak berkuasa perikanan untok di-siasat.

Dari penyiasatan itu didapati ikan2 ini telah ditangkap oleh penangkap2 ikan dengan menggunakan bahan letupan. Memandangkan keadaan itu pehak berkuasa perikanan menasehatkan tuan punya supaya ikan2 tersebut jangan di-jual dan nasehat berkenaan di-terima dalam mana ikan2 ini akhir-nya telah diangkut ka-tempat pembuangan sampah untok dibakar. Kita tentu berasa kagum dengan tindakan kedua belah pehak yang sanggup berkorban demi untok kebajikan semua.

Pehak berkuasa perikanan telah menggunakan kebijaksanaan-nya untok tidak terus mengeluarkan saman kerana tuan punya tidak berkeras menjual ikan2 tersebut, dan tuan punya ikan berkorban dengan kerugian yang bukan sedikit demi untok menjaga keselamatan pembeli2-nya dari menjadi mangsa kechuaian atau kedegilan jika ikan2 yang di-tangkap sa-chara haram itu terus juga di-jual. Semoga tindakan yang bijaksana dan pengorbanan kedua belah pehak sa-umpama itu akan menjadi chontoh dan amalan berterusan demi untok kebaikan bersama. Jangan sampai hanya sa-mata2 memandangkan kerugian besar akan di-tanggong, ada penjual2 sanggup bertindak membatasi nasehat yang berguna. BIAR RUGI WANG — JANGAN RUGI NYAWA!

Sa-minggu sa-belum ini, Jabatan Perikanan telah mengeluarkan amaran kapada penjual2 ikan dan orang ramai bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah Undang2 Perikanan 1973 mengimpot atau memileki ikan2 yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan.

Menurut Jabatan itu, mereka yang di-dapati salah boleh dihukum denda sa-banyak $1,000 atau sa-tahun penjara atau kedua2-nya.

## KETETAPAN HARGA KERETA DATSUN BLUE BIRD

BERIKUT ia-lah senarai harga2 kereta jenis BLUE BIRD yang telah di-luluskan oleh Pengawal Harga baru2 ini Jenis kereta yang tersebut boleh di-beli dari BOUSTEAD TRADING (S) PTE LTD BRUNEI, WORLD WIDE MOTOR CO. BRUNEI dan juga di-Kuala Belait dengan susunan harga saperti di-bawah ini : —

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DATSUN BLUE BIRD 1600 SEDAN DELUXE Model : TJ910DU Equipped with front seat belts, blower, heater, FM radio, rear defroster, head rests, quartz clock, and carpet | $11,800.00 | $12,221.00 |
| DATSUN BLUE BIRD 1800 SEDAN DELUXE Model : MJ910DUWI Equipped with front seat belts, blower heater, FM radio, quartz clock, head rests, cloth seats, rear defroster, body side moulding and carpet | $12,100.00 | $12,543.00 |
| DATSUN BLUE BIRD 1800 SEDAN DELUXE Model : MJ910DUCWI Equipped with front seat belts, air-conditioner, FM radio, cassette car stereo, head rests, cloths seats, rear defroster, body side moulding, quartz clock, carpet, radial tyre and automatic radio aerial. | $13,660.00 | $14,137.00 |
| DATSUN BLUE BIRD 1800 SEDAN GL Model : MJ91OUC Equipped with front seat belts, air-conditioner, FM radio, cassette car stereo, head rests, cloth seats, rear defroster, body side moulding, sport steering, quartz clock, rim cape, RPM meter and automatic radio aerial | $14,150.00 | $14,627.00 |
| DATSUN BLUE BIRD 1800 STATION WAGON Model : WMJ910DUC Equipped with front seat belts, blower heater, FM radio, head rests and quartz clock | $14,300.00 | $14,818.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.








NAHAS jalan-raya yang paling mengerikan berlaku di-Batu 25, Jalan Tutong, pada hari Ahad, 27hb April lepas ada-lah petaka yang amat menggerunkan dan merupakan sejarah kemalangan yang paling burok. Dua orang belia dan beliawanis, Awang Ng Cho Chiang, berumor 20 tahun dan Dayang Mook Chi Nyu, berumor 17 tahun telah terkorban dengan keadaan yang amat mengerikan. Anggota2 badan mereka bercheraian dan wajah mereka tidak dapat dikenali.

Ahli2 Bomba yang dipanggil untok membantu mengeluarkan mayat mereka yang tersepit terpaksa bekerja keras dan mereka mensifatkan kejadian itu sabagai yang paling dahshat.

Gambar2 yang di-abadikan oleh Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim, sa-orang Pegawai Luar Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan ini menunjokkan keadaan kemalangan itu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-BAHAGIAN PENERANGAN S.U.K.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

1. PENYUNTING KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai enam tahun pengalaman sa-bagai penyunting dengan akhbar Bahasa Inggeris/Bahasa Melayu atau dengan Radio dan Talivishen.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.3 EB.4 — $1479-1530-1581-1632-1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 bagi jawatan ini mesti-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND) dalam jurusan Mass Communication.

ATAU

Mesti-lah sekurang2-nya telah memegang jawatan Pegawai Luar Kanan sa-lama tiga tahun atau telah memegang jawatan Pegawai Luar dalam tempoh enam tahun.

Pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam bidang penerangan dan perhubongan awam boleh-lah memohon untok di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

Dalam Tangga Gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEMBANTU PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, atau lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah untok Kerani Tingkatan III.

b) Pengetahuan dalam kerja2 filing dan indexing ada-lah di-utamakan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB.2-3—$370-383-395-408-421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 784.

4. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai kelulusan sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Atau mempunyai pengalaman dalam kerja2 penjaga setor.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menhantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Jun, 1980.

(E/73/80)
(Bil : 41/1980)

## Sebagai Penyambut Tetamu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyambut Tetamu di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut Tetamu.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Mei, 1980.

(E/810/73)
(Bil : 45/1980)

## TENDER NOTICE

**AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED SENGKURONG TELEPHONE EXCHANGE**

REGISTERED Class 'B' and above Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services To Proposed Sengkurong Telephone Exchange.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 30th April 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 20th May 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED SENGKURONG TELEPHONE EXCHANGE.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the BINS WASTE PAPER (METAL) Qty 500, to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

2. The tender should state price and delivery time. Samples can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, at 4.00 p.m. Saturday 10th May 1980.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the name of the tenderer. The envelope should endorsed "SUPPLY OF BINS WASTE PAPER (METAL) TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON."

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 57 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th May, 1980 for :—

PROPOSED SEKOLAH MELAYU PINTU MALIM COMPLEX AND ANCILLARY WORKS AT JALAN KOTA BATU, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 62 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th May, 1980 for :—

TRANSPORT OF SEWERAGE PIPES AND SPECIALS FROM OLD AIRPORT SITE JALAN BERAKAS TO NEW PIPE YARD SITE AT SEWAGE DISPOSAL WORKS STATION MILE 1½ KOTA BATU, BRUNEI.

Note :

**A site inspection will be held at the site at 0900 hrs on 12th May, 1980.**

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan. Brunei.

**No. 63 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th May, 1980 for :—

REPAIRS AND REDECORATION OF INTERNATIONAL AIRPORT TERMINAL BUILDING, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 64 OF 1980**

TENDERS will be recei[ved] from Class "B" and abo[ve] P.W.D. Brunei registered co[n]tractors by Tenders Boa[rd] Brunei up to 12.00 noon [on] 13th May, 1980 for :—

REPAIR TO ROOF O[F] FIRE STATION AT BRU[NEI] INTERNATIONA[L] AIRPORT.

Tender documents and [all] particulars may be seen at t[he] office of Public Works Depa[rt]ment, Bandar Seri Begaw[an], Brunei.

**No. 65 OF 1980**

TENDERS will be recei[ved] from Class "B" and abo[ve] P.W.D. Brunei registered co[n]tractors by Tenders Boa[rd] Brunei up to 12.00 noon [on] 20th May, 1980 for :—

CONSTRUCTION OF [...] O. D. STEEL PIPE IN[LET] WORKS AT TASEK R[E]SERVOIR, BRUNEI.

Tender documents and [all] particulars may be seen at [the] office of Public Works Dep[art]ment, Bandar Seri Begaw[an] Brunei.

## TENDER NOTICE DEPARTMENT OF AGRICULTURE

TENDERS will be received [by] the Chairman of the Ten[ders] Board at the office of the S[tate] Financial Officer, Gro[und] Floor, Secretariat Build[ing] Bandar Seri Begawan for:—

THE CONSTRUCTI[ON] OF A FARM MECHA[NI]SATION UNIT WO[RK]SHOP AT THE SINA[UT] AGRICULTURAL TRA[IN]ING CENTRE, MILE [...] JALAN TUTONG.

Specifications will be sup[pli]ed and inspection may be m[ade] by contact with the Farm M[an]ager, Sinaut Agricultural Tr[ain]ing Centre, (Tel: Tutong [...]

Tenders should be subm[itted] in a plain sealed enve[lope] marked:—

DEPARTMENT OF AGRICULTURE, SATC WORKSHOP

and bearing no indicatio[n of] the name of the tenderer, [not] later than 12.00 noon on Th[urs]day 22nd May, 1980.

The Government of Br[unei] does not bind itself to ac[cept] the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-te[rima] bagi membekalkan sa-buah [en]gine sangkut untok Jab[atan] Hal Ehwal Ugama keku[atan] 140 kuda — Long sharp.

2. Pemburong2 yang m[eng]hantar tawaran mereka ada [lah] di-kehendaki menyertakan [kata]log (gambar) engine yang [di]tawarkan serta butir2 y[ang] berikut:—

a. Jenis engine;
b. Tarikh sampai;
c. Harga CIF, Brune[i] dan
d. Tempoh lama da[lam] jaminan.

3. Tawaran hendak-lah [di]masokkan ka-dalam sampo[l su]rat yang tertutop dan den[gan] di-tulis "Tawaran Engine S[ang]kut Jabatan Hal Ehwal U[ga]ma" dan tawaran itu hend[ak-]lah di-kirimkan kapada Pe[nge]rusi Lembaga Tawaran, Br[unei] di-alamat Pejabat Kewan[gan] tingkat bawah Pejabat S[etia] Usaha Kerajaan, Brunei ti[dak] lewat pada hari Isnin, [...] Mei, 1980 jam 4.00 petang.

4. Wang deposit meng[enai] perkara ini hendak-lah di-ba[yar] ka-Jabatan Hal Ehwal Uga[ma] Bahagian Kewangan ting[kat] pertama, bilek No. 202 [sa]banyak $100.00 pada b[ila2] masa waktu pejabat di-b[uka] hingga hari Sabtu 10hb [Mei] 1980 jam 3.00 petang.

5. Kerajaan tidak akan [teri]kat menerima tawaran y[ang] paling murah atau tawa[ran] yang sa-umpama-nya.

all unsuccessful tenderers [...] subject to the receipt of a b[...]

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

**SERIAL No. 13(AC)80**
**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Grade A air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 13th May 1980 for the :

OPERATIONS BLOCK BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked "Air Conditioning Installation for Operations Block, Brunei International Airport, Brunei.

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

2. The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**TENDER No. 14(IW)/1980**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 20th May 1980 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK 2 STOREY 16 UNIT CLASSROOMS AT SULTAN HASSAN MALAY SCHOOL, BANGAR, TEMBURONG

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK 2 STOREY 16 UNIT CLASSROOMS AT SULTAN HASSAN MALAY SCHOOL, BANGAR, TEMBURONG.

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

**TENDER No. 16(IW)/1980**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 20th May 1980 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR RURAL MOSQUE AT KAMPONG KASAT, BRUNEI DISTRICT

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR RURAL MOSQUE AT KAMPONG KASAT, BRUNEI DISTRICT."

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

**SERIAL No. 15(AC)80**
**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 27th May, 1980 for air conditioning the :—

TELEPHONE EXCHANGE, TUTONG

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked "Air Conditioning Installation, for Telephone Exchange Tutong".

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

5. The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KONKERIT SLAB 2' X 2' X 2" UNTOK PEJABAT DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1980**

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan Konkerit Slab bagi keperluan Jabatan Daerah Tutong.

1. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol surat tersebut hendah-lah di-tulis dengan perkataan "Tawaran Membekalkan Konkerit Slab Jabatan Daerah Tutong untok Tahun 1980" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembawa Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat pada 31hb Mei, 1980 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelian Konkerit Slab itu boleh-lah di-perolehi daripada Pegawai Daerah Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SENGKURONG TELEPHONE EXCHANGE**

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services To Proposed Sengkurong Telephone Exchange.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 30th April 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 20th May 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: —"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SENGKURONG TELEPHONE EXCHANGE.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEKERJA KEBAJIKAN RUMAH SAKIT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang se-suai untok di-lantek sa-bagai Pekerja Kebajikan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Ijazah Sains Sosial.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 sosial rumah sakit sekurang2-nya sa-lama dua tahun.
c) Pemohon2 mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu; pengetahuan Ugama Islam dan adat istiadat orang2 Melayu ada-lah suatu kelebehan.
d) Pemohon2 mesti-lah pandai memandu.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan membantu pesakit2 hospital yang mempunyai masaalah sosial. Ia akan berhubong antara pesakit2 dengan lain2 Jabatan Kerajaan, dan memberi nasehat kapada pesakit2 mengenai apa jua masaalah yang mungkin timbul sa-panjang tempoh mereka di-dalam hospital dan sa-sudah mereka keluar hospital tetapi maseh dalam rawatan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji B. 2 EB.3 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / E B / 2792 - 2869-2945 - 3022.

**Sharat2 Lantekan :**

**Chalon2 yang bukan raayat** Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Jun, 1980.

(E/395/80 — Bil : 46/1980)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkatan I di-Jabatan Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan/atau Kelas V dengan tidak mempunyai chatetan kesalahan2 memandu. Mereka sa-harusnya terdiri dari pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam Bahasa Melayu.
c) Mempunyai pengetahuan mengenai dengan jalan-raya2 di-seluroh negeri.
d) Pemohon2 mesti-lah bersedia bekerja di-luar masa bekerja biasa, jika di-kehendaki.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440/ EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan. Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Jun, 1980.

(E/379/80)
(Bil : 43/1980)

## Sa-bagai Penolong Pengelola

CHALON2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pengelola Tanah2 Perkuboran di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
ii) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut:—
   a) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   b) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah, Ugama.
   c) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama serta mempunyai pengalaman dalam bidang urusan Pentadbiran Tanah2 Perkuboran.
iii) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.
iv) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(ii) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama tidak kurang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman dalam bidang urusan Pentadbiran Tanah2 Perkuboran boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja daalm Negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007 - 1046 - 1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menhantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Jun, 1980.

(E/245/80)
(Bil : 44/1980)

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL AND MECHANICAL INSTALLATION TO PROPOSED ANCILLARY BUILDING — AIRWING, BERASKAS CAMP, BRUNEI**

REGISTERED Class 'B' and above Contractors with the Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Mechanical Installation To Proposed Ancillary Building—Airwing, Berakas Camp, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 30th April 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 20th May 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: —"TENDER FOR ELECTRICAL AND MECHANICAL INSTALLATION TO PROPOSED ANCILLARY BUILDINGS — AIRWING, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## RADIO TELEVISION BRUNEI

**CONSTRUCTION OF FIVE LIGHT PROOF CUBICLES AND SPECIAL FURNISHINGS FOR THE STILLS PHOTOGRAPHY SECTION**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Saturday, 10th May 1980, for the construction of five Light Proof Cubicles (Dark Rooms), and associated modifications, in the Stills Photography Section of Radio Television Brunei.

Applications for drawings and specifications should be made to the Superintendent Engineer, Radio Television Brunei.

Tenders must be placed in a plain sealed envelope and marked "Tender for the Construction of Five Photographic Dark Rooms". The name of the Tenderer should not appear on the envelope.

The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The lowest of any tender will not necessarily be accepted.

## Di-Radio dan Talivishen Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. JURUTEKNIK KANAN BILEK GELAP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Kelulusan akademik sekurang2-nya SRP/LCE dan mempunyai 5 tahun pengalaman sa-bagai Juruteknik Bilek Gelap di-Jabatan2 Kerajaan atau makmal membuat gambar. Kebolehan dalam teknik2 graphic art reproduction, mengendalikan alat printing dan processing yang otomatik dan memahami kaedah2 colour quality control ada-lah di-utamakan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB.5-6—$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122-1148-1173-1199-1224.

2. PEMBANTU PEGAWAI FOTO :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Kelulusan akademik sekurang2-nya SRP/LCE dan mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam perkara pengambilan gambar dan kerja2 memprocess dalam bilek gelap.

**'Am :**

Chalon2 hendak-lah menyertakan bersama dengan permohonan mereka 4 keping gambarfoto hitam puteh atau berwarna berukoran 12"x15" atau 4 keping slide warna sa-bagai chontoh hasil kerja mereka.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB 2-3 — $370-383-395-408 - 421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-651-625-657-689-720 - 752 - 784.

**Gaji :**

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Jun, 1980.

(E/381/80)
(Bil : 39/1980)

## Jawatan2 Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. MERINYU PERANCHANG KANAN :

(di-Pejabat Peranchang Bandar dan Desa)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Keutamaan akan di-beri saperti berikut : —

a) Kapada chalon2 yang mempunyai kelulusan dalam lima mata-pelajaran G.C.E. (Perengkat Biasa) dan tiga tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan dan di-tempat2 benaan termasok-lah menyelia pekerja2 di-bawah jagaan-nya.

ATAU

b) Kapada chalon2 yang mempunyai sekurang2-nya tujoh tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan dan di-tempat2 benaan dan/atau kerja2 mengawal peranchangan yang mana sekurang2-nya dua tahun daripada tempoh tersebut mesti-lah dalam jawatan penyelia pekerja di-bawah jagaan-nya.

Chalon2 mesti-lah tahu mentafsir lukisan2 pelan akitek. bangunan, ukor dan kejuruteraan. Mereka mesti-lah mempunyai kebolehan menyelia pekerja2 di-bawah jagaan mereka dan boleh membuat laporan2 dengan jelas dan ringkas.

**Umor :**

Di-antara 25 hingga 45 tahun.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326 - 1377 - 1428 / E B / 1479-1530-1581-1632-1683.

2. POMEN FITAR ELEKTRONIK LAUT :
(di-Askar Melayu Diraja Brunei)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 22 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai Diploma atau kelulusan daripada Sekolah Pertukangan Industrial Training Institute dalam jurusan Elektronik Laut atau yang sebanding dengan-nya.
c) Mempunyai pengalaman dalam bidang Fitar Elektronik sekurang2-nya sa-lama lima tahun.
d) Lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
e) Boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan. Chalon2 akan di-uji bagi menentukan tentang kechekapan masing2.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 5 EB. 6 — B$1046-1071-1097-1122 / EB / 1148 - 1173 - 1199 - 1224.

3. JURU MESIN TINGKAT I :

(di-Jabatan Pasokan Bomba)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah telah mendapat latehan di-Sekolah Pertukangan Kerajaan atau B.S.P. atau mempunyai pengalaman dalam Auto Engineering di-mana2 Bengkel.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki, jika perlu, untok bekerja pada bila2 masa salepas waktu bekerja untok membaiki kerosakan2 kechil.

**Pakaian Seragam :**

Pemohon yang berjaya di-hendaki memakai pakaian seragam Pasokan Bomba saperti yang di-arahkan oleh Pengawal Pasokan Bomba.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENJAGA :

(di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah sa-baik2-nya berumor di-antara 30 dan 40 tahun dan mempunyai badan yang sehat dan tegap.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi dan akan mengawasi keadaan harta benda di-tempat ia-nya di-tugaskan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2 EB3 — $306 - 312-319-325-332-338-344 - 351/EB/357-363-370-376-383.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak dari lewat dari 19hb Mei, 1980.

(E/223/80)
(Bil : 37/1980)

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PEMBANTU JURU-TEKNIK TERLATEH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berkelayakan Darjah Teknishen City & Guild di-dalam perkara2 yang berkenaan tertaalok mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman di-bidang pemeliharaan Electro-Mechanical/Electronic Instruments.
b) Chalon2 yang berjaya akan bertugas di-bahagian Pemeliharaan alat2 perkakas/Electric Rumah Sakit.

**Sukatan Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sebagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh:—

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.
b) Menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

**Sukatan gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-574-587-599.

3. TALIPON OPERATOR :

**Kelayakan2 :**

a) Mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan Tingkatan II Inggeris.
b) Mesti-lah terdiri daripada lelaki dan berumor di-antara 18 dan 25 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas sechara bergilir2 siang dan malam.

**Sukatan Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Mei, 1980.

(E/702/77 — Bil : 38/1980)

# PERTUKARAN JAWATAN BAGI PEGAWAI2 KANAN AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan perkenan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, empat orang pegawai kanan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah dinaikkan jawatan.

Pegawai Pemerentah Battalion Pertama, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud akan menjawat jawatan sa-bagai Timbalan Pemerentah Pasokan dan Penolong Ajutan dan Kuatermaster Agong AMDB. Yang Berhormat akan memegang jawatan itu mulai 26hb Jun tahun ini bagi menggantikan Lt Kol C J Bowden yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan-nya.

Jawatan Pegawai Pemerentah Battalion Pertama akan di-ambil aleh oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Lt Kol Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir. Yang Dimuliakan Pehin Lt Kol Dato Hj Mahdini akan mula memegang jawatan itu mulai 6hb Jun depan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Mejar Haji Husin bin Ahmad mengambil aleh jawatan yang di-kosongkan oleh YDM Pehin Dato Lt Kol Haji Mahdini ia-itu sa-bagai Pegawai Turus Agong Dua, Gerakan dan Ranchangan Markas Pasokan AMDB mulai 9hb Mei ini. YDM Pehin Dato Mejar Haji Husin ia-lah bekas Timbalan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua.

Jawatan Timbalan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua kini telah di-sandang oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Mejar Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid mulai 25hb April yang lalu.

Sa-belum di-lantek ka-jawatan ini, Yang Dimuliakan Pehin Dato Ishak ia-lah Pegawai Memerentah Kompeni 'D' Battalion Pertama.

Sementara itu, Chawangan Udara AMDB kini mempunyai Pegawai Pemerentah-nya yang baru. Beliau ia-lah Lt Kol J A Cheshire. Lt Kol Cheshire dari Angkatan Udara Diraja British menggantikan Lt Kol A J Mackinnon yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan-nya sa-bagai pegawai pinjaman.



PAMERAN Bintang2 dan [...]ngat2 Kebesaran Negeri Bru[...] ini menarek perhatian Ya[...] Berhormat Menteri Kebuda[...]an Belia dan Sokan Sab[...] Datu Hamid bin Tun Datu H[...] Mustapha ketika beliau m[...]wat ka-Pusat Sejarah dan K[...]budayaan Brunei di-Bangu[...] Peringatan Churchill (gam[...] atas).

Datu Hamid berada di-s[...] sa-lama tiga hari untok me[...]tuai satu rombongan sa-ra[...] 67 orang ahli2 SENIRA[...] ia-itu sa-buah pertubohan [...] budayaan yang mengada[...] lawatan ka-Brunei. Me[...] ada-lah menjadi tetamu ka[...] Majlis Belia2 Negeri Brune[...]

Sa-masa berada di-sini r[...]bongan itu telah mengada[...] persembahan kebudayaan [...] Pusat Belia. Di-samping [...] mereka juga melawat ka-t[...]pat2 menarek termasok la[...]tan ka-Daerah Temburong.

Bulan lalu, MBB menjadi tamu kapada satu rombon[...] yang terdiri dari ahli2 SAB[...]KAS yang di-ketuai oleh M[...]teri Muda Kebudayaan B[...] dan Sokan Sarawak, YB Ab[...] Haji Ahmad Urai.

## Lengkapkan diri untok jadi pengajar musik

Dari muka 1

Jalil menyatakan tujuan atau objektif kursus ini di-adakan ada-lah sa-mata2 untok menambahkan kechekapan dan kemahiran guru2 yang benar2 meminati seni musik bagi kegunaan untok mengajar murid2 dalam arena seni musik di-sekolah2 di-negeri ini.

Kerana kata-nya, dalam masa kebelakangan yang lalu hingga sekarang kelas2 seni musik di-sekolah2 ada-lah di-kendalikan oleh pegawai2 dari Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei dan hanya sa-bilangan kechil sahaja guru2 yang mampu untok berbuat demikian.

Maka untok itu beliau telah menyeru kapada guru2 yang mengikuti kursus seni musik supaya akan sentiasa berusaha dengan tekun dan gigih dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan sa-umpama itu untok menggantikan dan mengambil aleh tugas pengajar seni musik di-sekolah2 di-negeri ini.

"Dan jika kursus pada permulaan ini menchapai matalamat yang baik insha Allah Jabatan Pelajaran di-masa2 akan datang mampu mengeluarkan pelateh2-nya sendiri yang terdiri dari guru2 tempatan yang benar2 tahu akan selok belok seni musik", kata-nya lagi.

Awang Abdul Jalil menambah kata, bahawa seni musik merupakan seni yang berkehendakan disiplin atau 'self discipline' yang amat kuat terutama sekali di-perengkat awal ini ia-itu saperti tiap2 pelateh kursus di-mestikan mempelajari nota2 dan sekil2 sa-belum sa-seorang itu di-benarkan memainkan alat2 musik.

"Saya perchaya guru2 sekalian akan menghadapi masaalah yang sama kalau chegu2 ingin bermain alat musik yang di-pileh dengan chekap dalam tempoh yang di-hadkan chegu2 mesti-lah tabahkan hati dan tunjokkan sikap yang tidak mahu kalah dalam menghadapi kesulitan2 atau masaalah2 di-perengkat awal ini," ujar beliau.

Kursus yang di-hadhiri oleh 31 orang guru2 dari sekolah2 rendah dan menengah di-seluroh negeri itu ada-lah pertama kali di-kelolakan oleh Bahagian Kesenian, Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Kursus seni musik itu akan di-jalankan pada tiap2 hari Ahad sa-lama sa-tahun.

## Perdagangan luar Brunei

Dari muka 1

ma bagi Negeri Brunei dalam tahun 1979 dan di-ikuti dengan impot barang2 perusahaan yang bernilai $193 juta. Impot bagi kedua2 bahan itu pada tahun 1978 masing2 bernilai $194 juta dan $193 juta.

Brunei juga mengimpot bahan2 makanan yang bernilai $110 juta; berjenis2 barang buatan yang bernilai $68 juta dan bahan2 kimia bernilai $58 juta. Dalam tahun 1978 impot bagi ketiga2 bahan tersebut masing2 bernilai $96 juta; $47 juta dan $43 juta.

Empat buah negeri pengimpot utama bagi hasil2 Negeri Brunei ia-lah Jepun yang mengimpot sa-banyak $4,109 juta; Amerika Sharikat, $485 juta; Singapura, $348 juta dan Formosa, $241 juta. Pada tahun 1978 Jepun mengimpot hasil Negeri Brunei sa-banyak $3,108 juta; Amerika Sharikat $383 juta; Singapura $203 juta dan Formosa $168 juta.

Jepun juga merupakan negeri yang paling banyak mengekspot barang2-nya ka-Brunei dengan jumlah $221 juta. Dalam tahun 1978 negeri itu mengekspot barang2-nya berjumlah $155 juta.

Lain2 negeri yang mengekspot ka-Brunei ia-lah Singapura berjumlah $183 juta; Amerika Sharikat, $145 juta dan United Kingdom, $86 juta. Dalam tahun 1978, Singapura mengekspot sa-jumlah $140 juta; Amerika Sharikat, $97 juta dan United Kingdom, $68 juta.

## Dua lagi terkorban



BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang lagi telah terbunoh dalam kemalangan jalan-raya pada minggu lalu.

Awang Katim bin Ungan, 21 tahun meninggal dunia serta-merta di-tempat kejadian itu sementara Awang Sopili bin Amit meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan.

Kedua2 mangsa nahas jalan-raya itu ia-lah penumpang sa-buah pick-up (gambar atas) yang telah terbalek di-Batu 6, Jalan Tutong.

Pemandu dan lain2 penumpang dalam pick-up itu telah mendapat chedera parah dan sedang di-rawat di-Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan.

## Kelas Bimbingan Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kelas Bimbingan Mukaddam dan Al-Kor'an yang di-anjorkan oleh Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Brunei akan di-mulakan pada hari Jumaat, 9hb Mei ini di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna di-Batu 1½, Jalan Tutong.

Kelas Mukaddam dan Al-Kor'an rendah dan menengah akan di-adakan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Kelas lanjutan bagi Al-Kor'an akan bermula jam 2.00 hingga 5.00 petang pada hari yang sama.

Kelas bagi orang dewasa pula, akan di-adakan pada tiap2 hari Jumaat, dan Ahad, dari jam 7.00 hingga 9.00 malam.

Kapada mereka yang telah mendaftarkan dan orang2 yang maseh memegang borang untok memasoki kelas2 tersebut ada-lah di-persilakan datang pada hari Jumaat 9hb Mei pada waktu2 yang telah di-tetapkan.

## 133 terima hadia[...]

Dari muka 1

Beliau juga telah me[...]uchapkan ta'niah kap[...] penuntut2 yang ber[...] dan di-harap akan le[...] berazam lagi untok m[...] Pada mereka yang ti[...] terpileh, Awang Abdul [...]zak berseru supaya a[...] terus berusaha pada ma[...] yang akan datang dan a[...]gap-lah kegagalan itu [...]bagai perangsang untok [...]ju dan terus maju.

Sa-ramai 133 orang [...]rid2 dari Sekolah Ren[...] Melayu dan Persedi[...] Inggeris di-negeri ini te[...] menerima hadiah2 pela[...]an terbaik bagi tahun 19[...]

Majlis pada pagi itu [...]lah di-serikan dengan p[...]sembahan tarian, hadz[...] dan nashid yang di-pers[...]bahkan oleh murid2 Se[...]lah Persediaan Ingg[...] Mabohai.

## Peraduan Kor'an kawasan Brunei I

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Membacha ayat2 suchi Al-Kor'an orang2 dewasa bagi kawasan Brunei I akan di-adakan pada 18hb Mei ini bertempat di-surau Kampong Serdang.

Peraduan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Mereka yang ingin menyertai-nya, boleh-lah mendapatkan borang untok [...] sok bertanding darip[...] Ketua Kampong masi[...] atau terus kapada Im[...] Surau Kampong Serdan[...]

Tarikh tutop penyert[...] ia-lah pada 11hb Mei.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.